

## **BAB 2**

### **KEPERCAYAAN, PENYEMBAHAN KEPADA TUHAN DAN AMALAN KEBUDAYAAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Kepercayaan, penyembahan kepada Tuhan dan amalan-amalan kebudayaan merupakan elemen-elemen yang mempengaruhi konsep kehidupan manusia sejagat. Setiap kumpulan masyarakat mempunyai tata cara kehidupan dan amalan kebudayaan yang berbeza. Kesemua elemen hidup ini memainkan peranan yang amat penting dalam mengekalkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri seseorang. Kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan memberikan panduan hidup kepada manusia manakala amalan-amalan kebudayaan menentukan corak kehidupan sesuatu masyarakat. Antologi *Akananuru* memaparkan pelbagai maklumat tentang elemen-elemen ini. Pada hakikatnya, antologi *Akananuru* kaya dengan maklumat kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

#### **2.2 Kepercayaan, Penyembahan kepada Tuhan**

Kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan merupakan salah satu amalan universal. Secara umumnya, kepercayaan dan penghayatan terhadap kuasa Tuhan memperkukuhkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri seseorang serta memberikan pengertian kepada pegangan hidup manusia. Kesedaran dan kepatuhan terhadap kuasa Tuhan mempengaruhi nilai dan norma hidup manusia.

Amalan kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan yang dianuti oleh masyarakat Tamil diperincikan oleh pengkaji sastra klasik *Ilakkuvan.C*:

*Konsep ketuhanan dan amalan kepercayaan kepada Tuhan yang dimiliki oleh masyarakat Tamil klasik membuktikan kematangan kebudayaan mereka. Perkataan 'Kadavul' itu sendiri membuktikan kematangan mereka. Kadavul bermaksud mengharungi ke dalam, iaitu, Tuhan dapat mengharungi hati dan minda manusia.*

*(Ilakkuvan.C.,Chennai.2002.63)*

Pada hakikatnya, elemen kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan diperkukuhkan dengan amalan-amalan keagamaan (*sadanggu*). Manusia meluahkan rasa penghayatan dan penghormatan kepada Tuhan melalui amalan-amalan keagamaan (*sadanggu*). Amalan-amalan keagamaan adalah untuk mendalami, menghayati dan menghormati kuasa Tuhan. Teks *Tholkaapiyam* membuktikan kepercayaan dan penghayatan kuasa Tuhan oleh masyarakat Tamil zaman klasik.

Manusia sedar bahawa makanan dan minuman merupakan keperluan yang asas bagi kehidupan di dunia ini. Kehidupan di dunia ini tidak wujud tanpa makanan dan minuman. Pada hakikatnya, segala sumber makanan dan minuman adalah dianugerahkan oleh Tuhan. Oleh yang demikian, Tuhan mendahului segala-galanya. Hakikat ini disadari oleh masyarakat Tamil zaman klasik. *Noorpaa* dalam teks *Tholkaapiyam* menyatakan bahawa kuasa Tuhan mendahului segala-galanya.

தெய்வம், உணவே, மாமரம், புட்பறை  
செய்தி யாழின் பகுதியொடு  
அவ்வகை பிறவும் கருவென மொழிப

*(Tholkaapiyam, Porulathikaaram: Agatinaiyiyal:18.6 SM)*

*Theivam, unavhe, maamaram, pudparai  
seiti yaalin pagutiyodu  
avvagai piravum karuvena moliba*

- *Tuhan, makanan, haiwan, tumbuhan, burung, alat muzik, pekerjaan dan muzik merupakan elemen-elemen penting dalam kehidupan manusia.*

Tuhan (*Theivam*) di tempatkan awal dalam *noorpa* ini, dibanding dengan makanan (*unavhe*), haiwan (*unavhe*), tumbuhan (*maamaram*), burung (*pudparai*), dan alat muzik (*yaalin*). Hakikat ini membuktikan kepercayaan masyarakat Tamil terhadap kuasa Tuhan. Kebanyakan aktiviti harian mereka didahului dengan unsur kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan. Mereka meminta restu daripada Tuhan sebelum melakukan sesuatu perkara. Alam semulajadi memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kepercayaan dan penghayatan kuasa Tuhan.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* memiliki lima jenis *thinai* (*ecological zones*) iaitu *Mullai*, *Kurinci*, *Marutham*, *Neytal* dan *Paalai*. Setiap *thinai* diketuai oleh seorang Dewa dan Dewa-dewa *thinai* mewakili Tuhan mereka. Masyarakat Tamil zaman *cangam* berpendapat Dewa-dewa *thinai* mempengaruhi kehidupan mereka. Mereka sentiasa mengadakan upacara penyembahan (*pooja*) untuk mendapatkan restu daripada Dewa. Amalan penetapan Dewa berdasarkan tempat tinggal menunjukkan kematangan budaya masyarakat Tamil zaman *cangam*. Berikut ini adalah pembahagian *thinai* dan nama Dewa:

**Rajah 2.1: Dewa Mengikut *Thinai* (*Ecological Zones*)**

Bil.	Jenis <i>Thinai</i>	Dewa
1	<i>Kurinci</i> (Kawasan pergunungan)	<i>Murugan</i>
2	<i>Mullai</i> (Kawasan hutan)	<i>Maayon</i>
3	<i>Marutham</i> (Kawasan pertanian)	<i>Indiran</i>
4	<i>Neytal</i> (Laut dan persisiran pantai)	<i>Varunan</i>
5	<i>Paalai</i> (Kawasan kering-kontang)	<i>Kodravai</i>

(Sumber: *Tholkaapiyam, Porulathikaaram: Agatinaiyiyal:5*)

Kenyataan tentang penyembahan Dewa dipaparkan dalam *Tholkaapiyam* yang merupakan teks tertua bahasa Tamil.

Sajak *Tholkaapiyam* memperincikan kewujudan Dewa-dewa mengikut *thinai*.

மாயோன் மேய காடுறை உலகமும்  
சேயோன் மேய மைவரை உலகமும்  
வேந்தன் மேய தீம்புனல் உலகமும்  
வருணன் மேய பெருமணல் உலகமும்  
முல்லை குறிஞ்சி மருதம் நெய்தலெனச்  
சொல்லிய முறையாற் சொல்லவும் படுமே

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram: Agatinaiyiyal:5*)

*Maayon meya kaadurai ulagamum*  
*Sheyon meya maivarai ulagamum*  
*Vhentan meya teempunal ulagamum*  
*Varunan meya perumanal ulagamum*  
*mullai kurinci marutham neytalena*  
*Solliya muraiyaar sollavum padume*

- *Dewa Maayon adalah ketua tanah Mullai, Dewa Murugan merupakan ketua tanah Kurinchi, ketua bagi kawasan Marutham adalah Dewa Sheyon dan kawasan air diketuai oleh Dewa Varunan.*

Menurut *Tholkaapiyam*, Dewa *Murugan* merupakan pengawal tanah *Kurinchi*, Dewa tanah *Mullai* ialah *Maayon*, tanah *Marutham* di bawah kawalan Dewa *Indiran* manakala tanah *Neytal* di bawah kuasa Dewa *Varunan* dan *Kodravai* ialah Dewi bagi tanah *paalai*. Penetapan Dewa mengikut tempat tinggal membuktikan pencapaian dan kematangan masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang keagamaan.

Di samping itu, amalan ini adalah selaras dengan teori *Tholkaapiyar* yang membincangkan amalan kepercayaan kepada Tuhan merupakan asas kehidupan manusia. Menurut *Tholkaapiyar* kuasa Tuhan mendahului segala-galanya.

Setiap perlakuan ataupun amalan harian didahului dengan unsur-unsur penyembahan kepada Tuhan. Amalan ini menjamin kejayaan seseorang dalam perlakuan yang diceburi. Amalan-amalan harian yang didahului dengan penyembahan Tuhan menjadi sumber

pembentukan ciri-ciri kemanusiaan (*creation of human*). Amalan ini membantu mengekalkan potensi diri masyarakat manusia.

Sebahagian besar aktiviti harian sesuatu masyarakat mencerminkan kebudayaan dan corak kehidupan masyarakat berkenaan. Masyarakat zaman kini dapat mengenal corak kehidupan masyarakat klasik melalui amalan-amalan harian yang dianuti oleh mereka. Karya-karya kesusasteraan klasik memaparkan pelbagai amalan kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Dalam konteks pembangunan kemasyarakatan, unsur kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan memainkan peranan yang amat penting. Membentuk ciri-ciri kemanusiaan dalam diri seseorang merupakan hasil usaha yang berterusan oleh masyarakat berkenaan. Pada hakikatnya, kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan serta amalan-amalan harian yang lain memberikan pengertian pada pegangan hidup manusia. Kesemua amalan ini mencerminkan kematangan budaya masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Beberapa amalan kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* masih lagi dituruti oleh masyarakat Tamil zaman kini. Penyembahan kepada Dewa-dewa *Maayon*, *Murugan*, *Indiran*, *Varunan* dan *Kodravai (Kaali)* masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Tamil. Kuil-kuil khas bagi setiap Dewa diwujudkan bagi melaksanakan aktiviti ibadat. Di samping itu beberapa perayaan seperti *ponngal*, *punal vilah* masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Tamil zaman kini. Antologi *Akananuru* membekalkan pelbagai maklumat tentang amalan kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka memiliki keunikan tersendiri dalam membentuk corak kehidupannya.

Pada dasarnya, kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan merupakan suatu amalan universal. Dalam konteks kemasyarakatan kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan

merupakan asas bagi pembangunan dan perkembangan sesuatu komuniti. Salah satu peribahasa dalam bahasa Tamil menyatakan bahawa '*avanindri ohr anuvum asaiyaatu*', yang bermaksud setiap perlakuan di dunia ini adalah disebabkan oleh kuasa Tuhan. Setiap perlakuan manusia diatur dan dirancang oleh Tuhan. Peribahasa ini melambangkan pemahaman dan penghayatan kuasa Tuhan oleh masyarakat Tamil. Kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan memberikan pengertian kepada pegangan hidup manusia. Mereka menuntut kehendak dan keperluannya daripada Tuhan.

Bagi menyampaikan tuntutan ini beberapa upacara keagamaan dilakukan. Sambutan perayaan (*vilah* atau *tirunaal*) merupakan salah satu amalan keagamaan bagi menyampaikan tuntutan dan keinginan. Manusia mempercayai bahawa tuntutan dan keinginan yang disampaikan secara jujur dan ikhlas akan ditunaikan oleh Tuhan. Upacara penyembahan Tuhan sering kali diadakan bagi menyampaikan permintaan kepada Tuhan. Manusia menyembah kepada Tuhan dan melakukan amalan-amalan keagamaan bagi memenuhi beberapa tujuan. Perinciannya adalah seperti berikut:

**Rajah 2.2: Tujuan Penyembahan Tuhan**

<b>Bil.</b>	<b>Keperluan Manusia</b>
1	Rasa kesyukuran terhadap kuasa Tuhan
2	Mengakumi dan menghormati kuasa Tuhan
3	Menghayati dan menghormati kuasa alam semulajadi
4	Menunaikan hajat ataupun keinginan
5	Menjamin kesuburan dan hasil pertanian
6	Hujan sepanjang tahun dan tidak berlaku malapetaka
7	Mencegah dan menyembuh penyakit bahaya

Menghayati dan menghormati kuasa Tuhan merupakan tujuan hidup masyarakat Tamil. Mereka berpendapat bahawa Tuhan yang menentukan segala-galanya. Kelahiran, kehidupan dan kematian adalah merupakan perancangan dan perlakuan Tuhan. Kehidupan ini dianugerah oleh Tuhan yang maha berkuasa. Tuhan merupakan kesempurnaan yang paling sempurna. Masyarakat Tamil memahami dan menyedari hakikat ini. Oleh yang demikian mereka memberikan penghormatan dan keutamaan yang tidak terhingga kepada Tuhan.

Antologi *Akananuru* mengutarakan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka mengamalkan beberapa jenis penyembahan dan upacara keagamaan yang unik. Berikut ini, adalah beberapa perayaan dan upacara keagamaan yang dilakukan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*:

### **2.2.1 *Veriyaaddam* (Penyembahan Dewa *Murugan*)**

Penyembahan *veriyaaddam* diabdikan kepada Dewa *Murugan*. *Veriyaaddam* merupakan penyembahan yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mereka menganggap Dewa *Murugan* memiliki kuasa mutlak dalam menentukan kehidupan manusia. Penyembahan *veriyaaddam* turut dikenali sebagai *velavan veriyaaddam*. Perkataan *velavan* merujuk kepada Dewa *Murugan*. Masyarakat tanah *kurinci* dan *mullai* mengamalkan penyembahan Dewa *Murugan*.

Perkataan *murugu* atau *murugan* membawa pengertian segar, cantik, muda dan harum. Keempat-empat unsur ini mencerikan minda dan perwatakan manusia. Mereka mempercayai bahawa Dewa *Murugan* menganugerahkan keempat-empat unsur kepada manusia. Oleh yang demikian, masyarakat Tamil menamakan Dewa mereka sebagai

*Murugan*, iaitu Dewa yang memiliki unsur-unsur *murugu* serta menganugerahkan unsur-unsur berkenaan kepada manusia.

**Rajah 2.3 : Dewa Murugan**



(Sumber : *Viyakka Vaikkum Tamilar Vaalvu*,2005)

Salah satu teks klasik Tamil, iaitu, *Thirumurugaadrupadai* diabadikan kepada Dewa *Murugan*. Pada hakikatnya, antologi *Akananuru* turut memberikan keutamaan kepada Dewa *Murugan*. Bahagian *Kalidruyaanai nirai* merupakan bahagian pertama dalam antologi *Akananuru*, bahagian ini dimulakan dengan penyembahan Dewa *Murugan*. Serta, bab ini juga diakhiri dengan pemujaan Dewa *Murugan*. Puisi pertama dan puisi akhir, iaitu, *Akananuru*, *Kalidruyaanai nirai:1* dan *Akananuru*, *Kalidruyaanai nirai:120* membincangkan keagungan dan kewibawaan Dewa *Murugan*. Kenyataan ini membuktikan kepentingan Dewa *Murugan* kepada masyarakat Tamil.

வண்டுபுடத் ததைந்த கண்ணி, ஒண்கழல்,  
உருவக் குதிரை மழவர் ஓட்டிய  
முருகன் நற்போர் நெடுவேள் ஆவி,  
அறுகோட்டு யானைப் பொதினி யாங்கண்,  
சிறுகா ரோடன் பயினோடு சேர்த்திய

(*Akananuru*,1:1-5)



*vandupada tatainta kanni, onkalal,  
uruva kutirai malavar oddiya  
murugan narpor neduvel aavi  
arukoddu yaanai potini yaangkan  
siruka rodan payinodu serttiya*

- *Dewa Murugan yang maha berkuasa akan mengawal wira yang sedang mencari harta diluar negeri.*

Puisi *Akananuru*, *Kalidruyaanai nirai (1:1-5)* yang merupakan mukadimah bagi antologi *Akananuru* diabadikan kepada Dewa *Murugan*. Menurut puisi ini, wira merantau ke tempat lain bagi mencari kekayaan. Beliau terpaksa mengharungi kawasan yang mempunyai pelbagai ancaman dan bahaya. Perlu menghadapi pelbagai kesengsaraan dalam perjalanan hutan. Walau bagaimanapun wira dapat mengatasi segala ancaman dan cabaran dengan bantuan Dewa *Murugan*. Baris, *murugan narpor neduvel aavi* memaparkan kewibawaan Dewa *Murugan*. Jasa dan bakti Dewa *Murugan* disanjung dan dihormati oleh masyarakat Tamil.

Antologi *Akananuru* bahagian *Kalidruyaanai nirai (120:1-5)* yang merupakan puisi akhir bahagian ini juga menyanjungi kewibawaan Dewa *Murugan*.

நெடுவேள் மாப்பின் ஆரம்போலச்  
செவ்வாய்வானம் தீண்டி மீன் அருந்தும்  
பைங்காற் கொக்கினம் நிரைபறை உகப்ப,  
எல்லை பைப்பயக் கழிப்பிக், குடவயின்  
கல்சேர்ந் தன்றே, பல்கதிர் ஞாயிறு

*(Akananuru, 120:1-5)*

*neduvel maarbin aaram pola  
sevvaai vaanam teendi meen aruntum  
paingkaar kokkinam niraiparai ugappa  
yellai paippaiya kalippi, kudavayin  
kalsertan tanre, palkatir yaayiru*

- *burung bangau putih yang berterbang bagaikan kalung yang terdapat pada leher Dewa Murugan*

Puisi ini membincangkan pertemuan antara pasangan kekasih. Burung bangau putih yang terbang di awan (*sevvaai vaanam teendi meen aruntum paingkaar kokkinam*) bagaikan kalung bunga yang dipakai oleh Dewa *Murugan* (*neduvel maarbin aaram pola*). Pujangga

*Nakkeranaar* memaparkan keceriaan kalung bunga yang menghiasi bahagian dada Dewa *Murugan*. Warna putih melambangkan kesucian, maka kalung bunga berwarna putih dan burung bangau putih dijadikan sebagai unsur simbolik bagi kesucian Dewa *Murugan*.

Pasangan kekasih (*talaivan* dan *talaivi*) menghadapi pelbagai cabaran dan halangan. Lazimnya, mereka ditakdir berpisah sementara waktu. Perpisahan pasangan kekasih adalah sesuatu yang lumrah dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Perpisahan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor :

- mencari kekayaan untuk kegunaan sendiri dan orang lain
- pekerjaan yang melibatkan perjalanan jauh seperti perang dan perniagaan
- pendidikan yang melibatkan pencarian ilmu
- mendampingi gundik (*parattai*)

Semasa perpisahan, wirawati berseorangan menghadapi cemuhan masyarakat. Kehidupan tanpa kekasih mewujudkan suasana kesunyian dan kesedihan. Perpisahan ini membawa penderitaan dan tekanan emosi pada wirawati. Keceriaan dan kesihatan dirinya merosot. Badan menjadi kurus dan tidak bermaya serta hilang kecergasan.

Di samping itu, muka wirawati menjadi pudar dan kurang ceria. Perwatakan seperti ini dianggap sebagai penyakit emosi. Keadaan ini digelar sebagai *pasalai noi* dalam bahasa Tamil. Masyarakat Tamil zaman *cangam* berpendapat bahawa penyakit *pasalai noi* disebabkan oleh kemarahan Dewa *Murugan*. Oleh yang demikian, mereka bertindak untuk meredakan kemarahan Dewa *Murugan* dengan mengadakan penyembahan *veriyaaddam* ataupun *velavan veriyaaddam*. Pernyataan mengenai upacara penyembahan ini dibicarakan secara meluas dalam teks-teks klasik Tamil termasuk *Tholkaapiyam*:

வெறியறி சிறப்பின் வெவ்வாய் வேலன்  
வெறியாட்டு அயர்ந்த காந்தளும் உறுயகை

(*Tholkaapiyam, Porulathikaaram, Purattinaiyiyal, 5:1-2*)

*veriyari sirappin vevvaai velan*  
*veriyaaddu ayarnta kaantalum urupagai*

- *veriyaaddam diadakan bagi memuja Dewa Murugan*

Menurut *Tholkaapiyam*, upacara *veriyaaddam* merupakan salah satu tanggungjawab utama bagi masyarakat tanah *kurinci*. Mereka meredakan kemarahan Dewa *Murugan* (*veriyari sirappin vevvaai velan*) melalui upacara ini.

களவல ராயினும் காமமேற் படுப்பினும்  
அளவுமிகத் தோன்றினும் தலைப்பெய்து காணினும்  
கட்டினும் கழங்கினும் வெறியென இருவரும்  
ஒட்டிய திறத்தால் செய்திக் காணும்

(*Tholkaappiyam, Kalaviyal:113:1-4*)

*kalavala raayinum kaamamer paduppinum*  
*alavumiga tondrinum talaipeitu kaaninum*  
*kaddinum kalangkinum veriyena iruvarum*  
*oddiya tirathal seiti kaanum*

- *wirawati amat sedih disebabkan perpisahan kekasih mukanya bertukar warna dan hilang keceriaan*

*Noorpa* ini menyatakan bahawa, perwatakan dan perlakuan *wirawati* berubah disebabkan oleh penderitaan yang tidak terhingga. Perpisahan antara pasangan kekasih menyebabkan penderitaan ini seterusnya menyebabkan badan *wirawati* menjadi kurus (*alavumiga tondrinum, kaddinum kalangkinum*) dan keceriaan mukanya berubah (*talaipeitu kaaninum*). Keseluruhan bentuk badan *wirawati* bertukar bagaikan pesakit yang menghadapi penyakit kronik. Masyarakat kampung mempercayai bahawa perubahan bentuk badan ini disebabkan oleh kemarahan Dewa *Murugan*. Mereka berpendapat bahawa Dewa *Murugan* marah terhadap keluarga *wirawati*. Oleh sebab itu, mereka mengadakan upacara *veriyaaddam* bagi meredakan kemarahan Dewa *Murugan*. Mereka berharap upacara penyembuhan *veriyaaddam* akan menyembuhkan penyakit (*pasalai noi*) yang dialami oleh *wirawati*. Mereka mempercayai bahawa Dewa *Murugan* sahaja boleh menolong *wirawati* agar penyakitnya dapat disembuhkan.

Upacara *veriyaaddam* turut dibincangkan dalam antologi *Nadrinai*:

எவ்வம் கூர்ந்த ஏழுறு துயரம்  
வெம்மையின் தான் வருத்துறீஇ, நம் வயின்  
அறியாது அயர்ந்த அன்னைக்கு, 'வெறி' என  
வேலன் உரைக்கும் என்ப

(*Nadrinai*,273:2-5)

*yevvam koornta yemuru tuyaram*  
*vemmaiyn taan varuttaree, nam vayin*  
*ariyaatu ayannta annaikku, 'veri' yena*  
*velan uraikkum yenba*

- *wirawati dilamun cinta dan disebabkan perpisahan kekasi, bentuk badannya bertukar bagaikan seorang pesakit ini merupakan kemarahan Dewa Murugan upacara veriyaaddam perlu diadakan untuk meredakan kemarahan Dewa Murugan*

Wirawati dilamun cinta lalu mengalami *pasalai noi* (*vemmaiyn taan varuttaree*). Hal ini tidak disadari oleh ibu sebaliknya beliau mempercayai keadaan ini disebabkan oleh kemarahan Dewa *Murugan*. Oleh yang demikian, ibu mengadakan upacara penyembahan *veriyaaddam* (*ariyaatu ayannta annaikku, 'veri' yena*) bagi meredakan kemarahan Dewa *Murugan*.

Penyembahan Dewa *Murugan* turut digambarkan dalam antologi *Aingkurunuru*. Masyarakat Tamil yang tinggal di tanah *kurinci* berdoa kepada Dewa *Murugan* supaya memberikan peluang bagi memiliki anak perempuan (*kurumagal*). Amalan ini dipaparkan dalam sajak berikut :

குன்றக் குறவன் கடவுள்பேணி  
இரந்தனன் பெற்ற எல்வளைக் குறுமகள்  
ஆயரி நெடுங்கண் கவிழ்ச்  
சேயதால் தெய்ய - நீ பிரியும்நாடே

(*Aingkurunuru*,257:1-4)

*kundra kuravan kadavulpeni*  
*irantanan pedra yelvalai kurumagal*  
*aayari nedungan kalila*  
*seyataal teyya-nee piriymnaade*

- *anak perempuan yang dianugerahkan oleh Dewa Murugan*

Puisi ini menyatakan bahawa wirawati merupakan anak perempuan (*kurumaga*) yang dianugerahkan oleh Dewa *Murugan*. Baris, *kundra kuravan kadavul peni irantanan* dalam sajak ini menyatakan bahawa ibu bapanya menyembah *kundra kuravan* (Dewa *Murugan*) bagi mendapatkan anak perempuan. Hakikat ini membuktikan amalan masyarakat Tamil berdo'a kepada Dewa *Murugan* untuk mendapatkan anak perempuan.

Perhubungan pasangan kekasih diketahui oleh ibu wirawati. Ibunya menegur anak agar jangan terlibat dalam perbuatan ini. Wirawati merasa amat sedih dan tidak dapat melupakan kekasih. Wirawati mengalami *pasalai noi* yang menyebabkan perubahan perwatakan (badan kurus dan hilang keceriaan muka). Keceriaan dan kecergasan dirinya makin hari makin berkurangan. Ibu mempercayai keadaan anak disebabkan oleh kemarahan Dewa *Murugan*. Oleh yang demikian, ibu bercadang untuk mengadakan upacara penyembahan *veriyaaddam*. Masyarakat kampung mempercayai upacara penyembahan ini dapat meredakan kemarahan Dewa *Murugan*. Peristiwa yang menarik ini digambarkan dalam antologi *Akananuru* oleh pujangga *Ooddiyaar*.

ஈங்குநாம் உழக்கும் எவ்வம் உணரான்  
நன்னர் நெஞ்சமொடு மயங்கி வெறியென

(*Akananuru*, 388:17-18)

*eenggunaam ulakkum yevvam unaraal  
nannar nenjamodu mayangi veriyena*

- *berat badannya susut, dan  
kelihatan seperti seorang pesakit  
upacara veriyaaddam perlu diadakan*

Penduduk kampung mempercayai bahawa penyakit yang dihadapi oleh wirawati adalah disebabkan oleh kemarahan Dewa *Murugan* dan penyakit ini hanya dapat dipulihkan oleh Dewa *Murugan* (*nannar nenjamodu mayangi veriyena*). Mereka mempercayai upacara penyembahan *veriyaaddam* dapat meredakan kemarahan Dewa *Murugan* seterusnya memulihkan penyakit yang dihadapi oleh wirawati.

Amalan *veriyaaddam* turut diperincikan oleh seorang pujangga yang bernama *Veri Paadiya Kaama Kanniyaar*. Pujangga ini diberikan nama sebegini kerana beliau menulis banyak sajak yang berkaitan dengan amalan *veriyaaddam*.

படியோர்த் தேய்த்த பல்புகழ்த் தடக்கை  
 நெடுவேட் பேணத் தணிகுவள்இவள் என  
 முதுவாய்ப் பெண்டிர் அதுவாய் கூற  
 களம் நன்கு இழைத்துக் கண்ணி குட்டி  
 வளநகர் சிலம்பப் பாடிப்பலி கொடுத்து  
 உருவச் செந்தினைக் குருதியொடு தூஉய்  
 முருகுஆற்றுப் படுத்த உருகெழு நடுநாள்  
 ஆரம் நாற அருவிடர்த் ததைந்த

(*Akananuru, 22:4-12*)

*padiyor teytta palpugal tadakkai  
 neduved pena tanikuvalival yena  
 mutuvaai pendir atuvaai koora  
 kalam nangu ilaittu kannee sooddi  
 valanagar silamba paadipali koduttu  
 uruva sentinai kurutiyodu tooya  
 muruguaadru padutta urukelu nadunaal  
 aaram naara aruvidar tatantai*

- *wira dan wirawati dilamun cinta  
 mereka ingin berkahwin lalu mendirikan rumah tangga  
 tetapi wiranya berdiam diri tanpa bertindak  
 maka, wirawati merasa gelisah dan tidak menentu  
 tholinya mencadangkan agar  
 berdoa kepada Dewa Murugan*

Pasangan kekasih berhasrat untuk berkahwin dan mendirikan rumah tangga. Mereka berbincang dan wira berjanji akan mengahwini wirawati seberapa cepat yang mungkin. Tetapi, masanya berlalu dan wira hanya mendiamkan diri tanpa sebarang tindakan. Perbuatan wira merisaukan wirawati dan *toli* (teman wirawati) dan *toli* memberikan cadangan agar wirawati menyembah kepada Dewa *Murugan* (*murugu aadru padutta*). Penyembahan ini akan meredakan kemarahan Dewa *Murugan*. Cadangan ini diterima oleh golongan perempuan tua yang berpengalaman (*mutuvaai pendir atuvaai koora*) dan seterusnya mereka mengadakan upacara penyembahan *veriyaaddam*. Upacara *veriyaaddam* merupakan salah satu penyelesaian yang ideal bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh

masyarakat Tamil zaman *cangam*. Masalah perpisahan pasangan kekasih (*pasalai noi*), masalah kesihatan seperti penyakit cacar (*ammai noi*) diatasi dengan upacara penyembahan *veriyaaddam*. Di samping itu, amalan ini juga menjadi lambang pencapaian masyarakat Tamil dalam bidang keagamaan.

### **2.2.2 Kottravai Valipaadu (Penyembahan Kottravai)**

Masyarakat Tamil yang tinggal di kawasan *Paalai* mengamalkan upacara penyembahan Dewi *Kottravai*. Dewi *Kottravai* juga dikenali sebagai Dewi *Kali* yang merupakan Tuhan bagi masyarakat tanah *paalai*. *Kottravai valipaadu* merupakan salah satu upacara penyembahan penting dalam kalangan masyarakat Tamil tanah *paalai*. Penyembahan ini diabdikan kepada Dewi *Kottravai*. Masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan *paalai* menghadapi pelbagai jenis ancaman dan cabaran hidup. Mereka menghadapi kebuluran disebabkan oleh kawasan kering kontang dan cuaca yang kurang sesuai untuk kehidupan. Bagi menghadapi cabaran hidup seperti ini, masyarakat yang tinggal di kawasan *paalai* menyembah kepada Dewi *Kottravai* dengan mengadakan upacara *Kottravai valipaadu*. Antologi *Akananuru* membincangkan beberapa peristiwa tentang upacara penyembahan Dewi *Kottravai*.

*Paalai* ialah kawasan yang serba kekurangan dan masyarakat yang tinggal di kawasan ini seringkali merantau ke kawasan lain untuk mencari rezeki hidup. Seorang wira dari tanah *paalai* berkeinginan untuk merantau ke tempat lain bagi mencari kekayaan. Wirawati pula berhasrat untuk mengikuti kekasih yang berusaha mencari kekayaan. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh wira dan dia telah pergi ke luar negeri tanpa diketahui oleh kekasih (*talaivi*). Hal ini disedari oleh wirawati dan dia merasa amat kesal dengan tindakan kekasih. Walau bagaimanapun, wirawati merayu kepada Dewi *Kottravai* agar menolong kepada

kekasihnya. Wirawati merayu kepada Dewi *Kottravai* agar mengawal keselamatan kekasih. Hakikat ini dipaparkan oleh pujangga *Madurai Alakkar Yaalaar Maganaar Mallanaar* dalam puisi yang ke-345.

நாம்செல விழைந்தன மாக ஓங்குபுகழ்க்  
கான்அமர் செல்வி அருளலின் வெண்கால்

(*Akananuru*, 345:3-4)

*naamsela vilaintana maaga onngu pugala  
kaanamar selvi arulalin venkaal*

- *kekasihnya merantau jauh  
wirawati berdoa kepada Dewi Kotravai agar  
menolong dan menjaga keselamatan kekasihnya*

Perkataan *kaanamar selvi* dalam puisi ini merujuk kepada Dewi *Kottravai*. Wirawati berdoa kepada Dewi *Kottravai* agar menolong pada kekasihnya. Masyarakat tanah *Paalai* bergantung pada bantuan dan panduan daripada Dewi *Kottravai*.

Pada hakikatnya, puisi di atas ini membuktikan kewujudan upacara penyembahan Dewi *Kottravai* dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Pada zaman kini Dewi *Kottravai* lebih dikenali dengan nama Dewi *Kaali*. Penyembahan Dewa *Kaali* (*Kaali valipaadu*) masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Tamil.

### 2.2.3 *Ulli Vilah* (Perayaan *Ulli*)

Masyarakat Tamil kaya dengan pelbagai jenis perayaan dan kebanyakan perayaan ini berkaitan dengan amalan keagamaan. Puak *kongar* dari negeri *Konggu* mengamalkan sejenis perayaan yang dikenali sebagai *ulli vilah* (perayaan *ulli*).

Semasa perayaan *ulli vilah* golongan perempuan memakai sejenis barang perhiasan di pinggang lalu menari. Barang perhiasan ini dibuat daripada manik-manik yang cantik dan



diikat kemas. Pujangga *Madurai Marutanilanaaganaar* memaparkan maklumat tentang perayaan *ulli vilah* yang diamalkan oleh puak *kongar*.

.....கொங்கர்  
மணியரை யாத்து மறுகின் ஆடும்  
உள்ளி விழவின் அன்ன

(*Akananuru*,368:17-19)

.....*kongar*  
*maniyarai yaatta marukin aadum*  
*ulli vilavin anna*

- *kaum perempuan yang memakai gelang pinggang menari menyambut perayaan ulli*

Baris *maniyarai yaatta marukin aadum, ulli vilavin anna* menggambarkan perlakuan kaum perempuan yang memakai gelang pinggang lalu menari semasa perayaan *ulli vilah*.

#### **2.2.4 Punal Vilah (Perayaan Air)**

Air merupakan salah satu sumber asas bagi kehidupan di dunia ini. Setiap kehidupan di muka bumi ini memerlukan air untuk terus hidup. Kegunaan air meliputi aktiviti-aktiviti pertanian, penyediaan makanan dan pembersihan. Air juga digunakan dalam bidang permainan. Pelbagai permainan air direka bentuk oleh masyarakat manusia.

Kebanyakan aktiviti harian manusia merangkumi kegunaan air. Aktiviti pertanian bergantung kepada air dan tanaman tidak dapat hidup subur tanpa air. Manakala, dalam suasana rumah tangga pula air digunakan untuk minum, memasak makanan, mandi, membasuh kain dan mencuci lantai. Memandangkan kegunaan dan kepentingan yang luas, maka *Thiruvalluvar* memperuntukkan satu bab khas (*vaansirappu*) bagi air. *Thiruvalluvar* memaparkan kegunaan dan kepentingan air dalam kehidupan manusia, alam fauna dan alam flora.

வான்றின்று உலகம் வழங்கி வருதலால்  
தான் அமிழ்தம் என்றுணரற் பாற்று

(*Thirukkural, Vaansirappu:1*)

*vaannindru ulagam valangi varutalaal  
taan amiltam yendrunarar paarru*

- air hujan dari langit  
bagaikan madu yang tidak ternilai

விண்ணின்று பொய்ப்பின் விரிநீர் வியனாலகத்து  
உள்நின்று உடற்றும் பசி

(*Thirukkural, Vaansirappu:3*)

*vinindru poippin virineer viyanulagattu  
ulnindru udardrum pasi*

- sekiranya tidak ada air hujan  
kehidupan di dunia akan kebuluran

ஏரின் உழாஅர் உழவர் புயலென்னும்  
வாரிவளம் குன்றிக் கால்

(*Thirukkural, Vaansirappu:4*)

*yerin ulaar ulavar puyalennum  
vaarivalam kundri kaal*

- sekiranya tidak ada air hujan  
golongan petani tidak dapat mengusahakan pertanian

சிறப்பொடு பூசனை செல்லாது வானம்  
வறக்குமேல் வானோர்க்கும் ஈண்டு

(*Thirukkural, Vaansirappu:8*)

*sirappodu poosanai selaatu vaanam  
varakkumel vaanorkkum eendu*

- sekiranya tidak ada hujan  
manusia tidak dapat mengadakan upacara penyembahan

நீர்இன்று அமையாது உலகெனினும் யார்யார்க்கும்  
வான்இன்று அமையாது ஒழுக்கு

(*Thirukkural, Vaansirappu:10*)

*neerindru amaiyaatu ulageninum yaaryaarkkum  
vaanindru amaiyaatu olukku*

- sekiranya tidak ada hujan  
maka tidak ada air di dunia ini.

Kesemua kuplet (*Thirukkural*) ini membincangkan kegunaan dan kepentingan air kepada kehidupan di dunia ini. Hampir semua kehidupan di muka bumi ini bergantung pada air untuk hidup. Oleh yang demikian, peranan yang dimainkan oleh air adalah amat penting.

Selain daripada itu, punca-punca air seperti kolam, sungai, empangan, air terjun dan laut digunakan untuk aktiviti riadah seperti berenang, menyelam dan permainan air. Pada zaman kini aktiviti-aktiviti riadah di kolam, sungai, empangan, air terjun dan laut giat diamalkan. Pelbagai permainan air direka bentuk oleh manusia zaman kini. Pada zaman *cangam* permainan air bukan sahaja dianggap sebagai aktiviti riadah malah ianya dianggap sebagai suatu amalan kebudayaan. Mereka mengadakan perayaan air yang dikenali sebagai *punal vilah*. Perkataan *punal* merujuk kepada air dan *vilah* pula merujuk kepada perayaan. Pada zaman kini amalan ini masih lagi diteruskan dengan nama pesta air (*neer vilaiyaaddu*). Tetapi permainan air zaman kini tidak melibatkan unsur-unsur keagamaan. Pujangga *Paranar* mencatatkan maklumat berkenaan *punal vilah* dalam puisi yang ke-376.

கல்லா யானை கட்புனல் கற்றென  
மலிபுனல் பொருத மருதோங்கு படப்பை  
ஒலிகதிரிக் கழனிக் கழாஅர் முந்துறைக்  
கல்கொள் சுற்றமொடு கரிகால் காணத்  
தண்பதம்கொண்டு தவிர்த்த இன்னிசை

(*Akananuru*,376:2-6)

*kallaa yaanai kadipunal kadrena  
malipunal poruta marutonggu padappai  
olikatir kalani kalaar munturai  
galikol sudramodu karikaal kaana  
tanpatamkondu tavirtta innisai*

- *Karikaal Valavan menghayati keindahan dan perhiasan di persisiran pantai perayaan air disambut dengan mesra dan gembira seekor gajah sedang berlatih berenang di dalam air*

Puisi ini memaklumkan bahawa Raja *Karikaal Valavan* menghayati sambutan perayaan air (*punal vilah*) di persisiran pantai. Penduduknya, menyambut perayaan ini dengan mesra dan gembira. Pelbagai aktiviti dan permainan diadakan di persisiran pantai. Semasa perayaan ini, perlakuan seekor gajah yang tidak mahir berenang sedang berlatih di dalam air digambarkan melalui *kallaa yaanai kadipunal kadrena*. Perkataan *kadipunal* dan *malipunal* dalam puisi ini merujuk kepada air yang sangat deras.

### **2.2.5 Kesimpulan**

Masyarakat Tamil digolongkan sebagai salah satu masyarakat yang mempunyai budaya kehidupan yang matang dan bernilai tinggi. Mereka memiliki pelbagai amalan hidup yang memperkayakan hidup mereka. Amalan kepercayaan dan penyembahan kepada Tuhan yang dipraktikkan oleh masyarakat Tamil membuktikan kematangan dan norma hidup masyarakat Tamil.

Teori *Tholkaapiyam* membincangkan amalan kepercayaan dan kepatuhan terhadap Tuhan. Penetapan Dewa mengikut tempat tinggal iaitu Dewa *Murugan* pengawal tanah *Kurinchi*, *Maayon* sebagai Dewa tanah *Mullai*, tanah *Marutham* di bawah kawalan Dewa *Indiran* manakala tanah *Neytal* di bawah kuasa Dewa *Varunan* dan Dewi *Kodravai* bagi tanah *paalai* (*Tholkaapiyam, Porulathikaaram: Agatinaiyiyal:5*) membuktikan pencapaian dan kematangan masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam bidang keagamaan. Mereka mempunyai tujuan yang ideal bagi mengadakan upacara penyembahan Tuhan. Penyembahan *veriyaaddam* (penyembahan Dewa *Murugan*), penyembahan Dewi *Kottravai* (penyembahan Dewi *Kottravai*), *ulli vilah* (perayaan *ulli*) dan *punal vilah* (perayaan air) melambangkan kekayaan dan kematangan corak hidup masyarakat Tamil zaman *cangam*.

### **2.3 Amalan Kebudayaan**

Amalan ialah sesuatu perlakuan yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan. Sesuatu aktiviti yang dilakukan sebagai suatu pegangan dalam kehidupan manusia akan menjadi amalan hidup. Setiap masyarakat di dunia ini menuruti pelbagai amalan hidup. Amalan hidup manusia merangkumi setiap perlakuan harian manusia. Setiap amalan ini digolongkan dalam bidang-bidang yang tertentu. Amalan-amalan yang berkaitan dengan budaya sesuatu kaum digelar sebagai amalan kebudayaan. Setiap kaum di dunia ini memiliki amalan

kebudayaan yang tersendiri. Amalan kebudayaan menjadi lambang keunikan sesuatu kaum.

Pada lazimnya, manusia mempercayai dan menghormati amalan kebudayaan dan menganuti perkara-perkara yang diamalkan sejak turun-temurun. Amalan kebudayaan menjadi elemen asas dalam pembentukan kemasyarakatan manusia serta mempengaruhi corak hidup sesuatu kaum. Masyarakat Tamil zaman *cangam* kaya dengan pelbagai amalan kebudayaan. Amalan kebudayaan yang dituruti sejak turun temurun ini bertujuan untuk membentuk kehidupan yang ideal. Kekayaan amalan kebudayaan sesuatu kaum melambangkan kewibawaan dan kemegahan masyarakat berkenaan.

Amalan kebudayaan sesuatu masyarakat memberikan pengertian kepada hidup manusia. Setiap kaum mempunyai amalan hidup yang tersendiri. Masyarakat Tamil zaman *cangam* menganuti amalan kebudayaan berdasarkan pada alam semula jadi (*kurinci*, *mullai*, *marutham*, *neytal* dan *paalai*). Antologi *Akananuru* membincangkan pelbagai amalan kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

### **2.3.1 *Thirumanam* (Perkahwinan)**

Manusia atau orang diklasifikasikan sebagai *Homo sapiens*, Bahasa Latin untuk manusia yang merupakan salah satu spesies mamalia. Manusia berpasangan membina keluarga demi membentuk kumpulan masyarakat. Dalam konteks antropologi manusia merupakan kehidupan yang bermasyarakat. Keturunan manusia diwujudkan melalui amalan perkahwinan. Perkahwinan merupakan perlakuan yang amat penting dalam kehidupan manusia kerana ia menjamin kewujudan manusia di muka bumi ini.

Perkahwinan menyatukan dua insan yang berlainan jantina, lelaki dan perempuan, dalam bahasa Tamil mereka digelar sebagai *kanavan* atau *tunaivan* (suami) dan *manaivi* atau

*tunaivi* (isteri). Dalam karya-karya kesusasteraan Tamil mereka digelar sebagai *talaivan* dan *talaivi* (wira dan wirawati). Perkahwinan merupakan suatu amalan asas bagi pembentukan sesuatu keluarga. Memandangkan kepentingan amalan perkahwinan, masyarakat Tamil memberikan keutamaan kepada amalan ini.

Perkahwinan dikenali sebagai *thirumanam* dalam bahasa Tamil dan upacara ini merupakan titik permulaan bagi penyatuan pasangan manusia. Masyarakat Tamil memandang tinggi terhadap perlakuan perkhawinan. Ini dapat dibuktikan melalui perkataan itu sendiri :

*thiru* - gelaran bagi status bernilai tinggi  
*manam* - harum, keharuman

Perkataan *thirumanam* membawa pengertian bahawa penyatuan setia dan harum (bangga). Pertalian di antara kedua-dua insan lelaki dan perempuan, diperkukuhkan dengan perasaan kasih sayang. Kasih sayang menjadi inti bagi perhubungan pasangan suami dan isteri. Dalam konteks kemasyarakatan penyatuan pasangan perkahwinan diperlakukan melalui dua cara :

- ibu-bapa mencari jodoh yang sesuai bagi anaknya
- anak mencari jodoh yang sesuai baginya

Kedua-dua cara ini disenangi oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Dalam usaha mencari jodoh bagi anaknya, mereka memberikan keutamaan terhadap tingkahlaku jodohnya. Menurut mereka, tingkahlaku menjamin pembentukan manusia yang bermoral dan berkualiti. Malahan, masyarakat Tamil zaman *cangam* mementingkan perasaan kasih sayang serta nilai-nilai kemanusiaan.

Pada hakikatnya, masyarakat Tamil memberikan kebebasan kepada anak-anaknya untuk memilih pasangan. Walaupun begitu, mereka akan sentiasa mengawasi dan memberikan nasihat serta panduan dalam pemilihan pasangan. *Tholi* dan *tholan* yang merupakan kawan karib wira dan wirawati menolong dalam pemilihan pasangan mereka.

Menurut, teks *Tholkaapiyam* penyatuan pasangan suami dan isteri merupakan ketetapan Tuhan. Kenyataan ini dirujuk melalui sajak berikut:

ஒன்றே வேறே என்றிரு பால்வாயின்  
ஒன்றி உயர்ந்த பால தாணையின்  
ஒத்த கிழவனும் கிழத்தியும் காண்ப  
மிக்கோ னாயினும் கடவரை இன்றே

(*Tholkaapiyam, Porulatikaaram, Kalaviyal:90*)

*ondre vere yendiriru paalvaayin  
ondri uyarnta paala taanaiyin  
otta kilavanum kilattiyum kaanba  
mikko naayinum kadivarai yindre*

- *penyatuan dan perpisahan pasangan hidup ditetapkan oleh Tuhan*

Menurut *noorpa* ini, penyatuan dan perpisahan pasangan hidup adalah ditentukan oleh Tuhan yang maha berkuasa. Tuhan yang merancang dan menentukan segala perlakuan di muka bumi ini. *Noorpa* ini membuktikan penghayatan dan penghormatan masyarakat Tamil terhadap amalan perkahwinan. Mereka mempercayai bahawa, perkahwinan adalah sesuatu yang dikurniakan oleh Tuhan.

Pujangga *Nallavoor Kilaar* menceritakan keseluruhan sambutan suatu majlis perkahwinan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

உழுந்துதலைப் பெய்த கொழுங்கனி மிதவை  
பெருஞ்சோற்று அமலை நிற்ப, நிரைகால்  
தன்பெரும் பந்தர்த் தருமணல் ஞெமிரி  
மனைவிளக் குறுத்து, மாலை தொடரிக்  
கனைஇருள் அகன்ற கவின்பெறு காலைக்  
கோள்கால் நீங்கிய கொடுவெண் திங்கள்  
கேடல் விழுப்புக்ழ் நாள்தலை வந்தென  
உச்சிக் குடத்தர், புத்தகன் மண்டையர்  
பொதுசெய் கம்பலை முதுசெம் பெண்டர்  
முன்னவும் பின்னவும் முறைமுறை தரத்தரப்  
புதல்வற் பயந்த திதலை! அவ் வயிற்று  
வால்இழை மகளிர் நால்வர் கூடிக்  
கற்பினின் வழாஅ, நற்பல உதவிப்  
பெற்றோற் பெட்கும் துணையை ஆக-என  
நீரோடு சொரிந்த ஈர்இதழ் அலரி  
பல்இருங் கதுப்பின் நெல்லொடு தயங்க  
வதுவை நன்மணம் கழிந்த பின்றை  
மாயோன் மேய காடுறை உலகமும்

சேயோன் மேய மைரை உலகமும்  
 வேந்தன் மேய தீம்புனல் உலகமும்  
 வருணன் மேய பெருமணல் உலகமும்  
 முல்லை குறிஞ்சி மருதம் நெய்தலெனச்  
 சொல்லிய முறையாற் சொல்லவும் படுமே  
 கற்பெனப் படுவது கரணமொடு புணரக்  
 கொளற்குரி மரபிற் கிழவன் கிழத்தியைக்  
 கொடைக்குரி மரபினோர் கொடுப்பக் கொள்வதுவே

(Akananuru,86: 1-17)

*uluntutalai peita kolungkani mitavai  
 perunsodru amalai nirpa, niraikaal  
 tanperum pantar tarumanal yemiru  
 manai vilakkuruttu, maalai todari  
 kalai irul agandra kavin peru kaalai  
 khol kaal neengiya koduven tingal  
 kedil viluppugal naal talai vantena  
 ucci kudattar, puttagan mandaiyar  
 potu sei kambalai muto sem pendir  
 munnavum pinnavum murai murai tara tara  
 putalvar payanta titalai! av vayirdru  
 vaal ilai magalir naalvar koodi  
 'karpinin valaa, narpala utavi  
 pedror pedkum tunaiyai aaga' – yena  
 neerodu sorinta eerital alari  
 pal irung katuppin nellodu tayanga  
 vatuvai nanmanan kalinta pindrai*

Perincian puisi ini adalah seperti berikut:

Pada lazimnya, majlis perkahwinan diadakan pada hari yang mulia. Pada waktu pagi, kanji yang dibuat daripada kacang *uluntu* dan nasi (*uluntutalai peita kolungkani mitavai, perunsodru amalai nirpa, niraikaal*) diberikan kepada tetamu. Di depan rumah didirikan khemah yang besar (*tanperum pantar tarumanal yemiru*). Lantai dilapisi dengan pasir kering (*niraikaal tanperum pantar tarumanal yemiru*). Sekeliling khemah digantung ikatan bunga (*maalai todari*).

Kedua-dua rumah pengantin dihias cantik dan kemas. Bahagian dalam rumah dicerahkan dengan lampu (*manai vilakku*). Pada waktu awal pagi upacara mandi mulia diadakan. Empat orang wanita yang telah berumah tangga dan mempunyai anak membawa air dalam bekas lalu dibubuh bunga dan padi ke dalam air. Mereka memandikan pengantin perempuan



dengan air bunga. Selepas upacara ini majlis perkahwinan diteruskan dengan upacara-upacara yang lain.

Segala perlakuan perkahwinan ini membuktikan disiplin sosial dan ciri-ciri kebudayaan yang dianuti oleh masyarakat Tamil. Mereka mengamalkan sistem yang teratur dalam mengendalikan upacara perkahwinan. Beberapa upacara perkahwinan masih lagi dituruti oleh masyarakat Tamil zaman kini. Upacara seperti mengikat *thali*, penggunaan bunga dan padi masih lagi diamalkan. Pada zaman *cangam* upacara perkahwinan dikendalikan di rumah tetapi pada zaman kini ianya di adakan di kuil ataupun di dewan. Ini adalah disebabkan kesesuaian dengan zaman kini. Kuil dan dewan mempunyai halaman luas untuk pergerakan yang bebas. Tempat untuk parkir kenderaan juga disediakan. Memandangkan kemudahan-kemudahan seperti ini, maka, masyarakat Tamil lebih cenderung untuk mengadakan majlis perkhawinan di kuil dan di dewan.

Pada hakikatnya, kejayaan sesuatu perkara hanya dapat dicapai melalui perancangan dan pelaksanaan yang teratur. Perbuatan yang tidak dirancang dengan teliti akan mengakibatkan kegagalan. Berlandaskan pada hakikat ini, masyarakat Tamil zaman *cangam* mengadakan perancangan yang teliti dalam melaksanakan upacara perkahwinan. Mereka menetapkan musim ataupun masa yang sesuai untuk upacara perkahwinan. Penetapan masa yang sesuai dibincangkan dalam antologi *Akananuru*.

அருங்காடிக் காவலர் சோர்ப்பன் ஒற்றிக்  
கங்குல் வருதலும் உரியை யைம்புதல்  
வேங்கையும் ஒள்ளினார் விரிந்தன  
நெடுவெண் திங்களும் ஊர்கொண் டன்றே

(*Akananuru*, 2:14-17)

*arungkadi kaavalar sorban odri  
kangul varutalum uriyai paimputal  
vengaiyum ollinar virintana  
neduven tingalum oorkon dandro*

- *upacara perkahwinan diadakan pada waktu subuh hari purnama musim bunga vhangai dipilih untuk upacara perkahwinan*

Kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam* adalah berdasarkan pada alam semula jadi dan hampir segala perlakuan harian mereka melibatkan unsur alam semula jadi. Maka, ketetapan hari perkahwinan juga dirancang berdasarkan alam semula jadi. Pada lazimnya, musim bunga dipilih untuk mengadakan upacara perkahwinan. Musim bunga pokok *vhengai* (sejenis pokok bunga) dianggap sebagai musim yang sesuai untuk perkahwinan. Dalam musim ini, hari bulan purnama dipilih bagi mengadakan upacara perkahwinan diadakan waktu subuh.

Menurut puisi ini, pasangan kekasih biasa berjumpa di suatu tempat khas dan pada suatu hari, wirawati tidak hadir ke tempat perjumpaan. Ini telah menimbulkan kerisauan pada wira. *Tholi* (teman wirawati) memaklumkan pada wira bahawa perhubungan mereka telah diketahui oleh pihak keluarga wirawati. Mereka menempatkan wirawati di bawah pengawasan di rumah. *Tholi* memaklumkan hal ini kepada wira dan menyatakan bahawa ini adalah musim yang sesuai untuk upacara perkahwinan. Maka, wira perlu melamar wirawati secepat yang mungkin. Tindakan yang cepat akan menghasilkan keputusan yang baik.

Kenyataan seperti ini dibincangkan dalam puisi yang dikaryakan oleh pujangga *Vidroodru Mooteyinanaar* :

.....திங்கட்  
சகடம் மண்டிய துகள்தீர் கூட்டத்து (Akananuru,136:4-5)

.....tinggad  
sagadam mandiya tugalteer kooddattu

- *melamar secepat yang mungkin agar niatnya dapat dicapai*

Pada dasarnya, perkahwinan merupakan salah satu peristiwa yang terpenting dalam kehidupan manusia dan merupakan suatu perlakuan yang mulia. Perkahwinan sebagai suatu perlakuan penting dalam kehidupan masyarakat Tamil, maka ia digolongkan sebagai suatu amalan kebudayaan yang asas. Pada dasarnya, amalan ini adalah penting untuk meneruskan

keturunan manusia di dunia ini. Memandangkan kepentingan dan keperluannya, maka amalan perkahwinan dihormati dan disanjung oleh masyarakat Tamil. Walaupun begitu, ia dirancang oleh kuasa Tuhan, Teori *Tholkaapiyam* menyatakan bahawa penyatuan dan perpisahan pasangan hidup ditetapkan oleh Tuhan (*Tholkaapiyam, Porultikaaram, Kalaviyal:90*)

### 2.3.2 *Thali* (*Thali* Dalam Upacara Perkahwinan)

Kehidupan sesuatu masyarakat dipengaruhi oleh pelbagai amalan kebudayaan. Amalan ini membentuk corak hidup masyarakat tersebut. Dalam kalangan masyarakat Tamil terdapat suatu amalan yang menarik, iaitu amalan mengikat *thali* pada leher pengantin perempuan oleh mempelai. *Thali* ialah simbol yang menandakan status seorang perempuan sama ada beliau sudah berumah tangga atau belum. Pada zaman *cangam*, gigi taring harimau dijadikan sebagai *thali*. Ia diikat dengan benang yang disadur tepung kunyit.

கன்றில் வாகிய புல்லரை நெடுவெளிற்  
கான மஞ்சை கண்ணோடு சேப்ப  
ஈகை அரிய இழையணி மகளிரோடு

(*Purananuru, 127:3-5*)

*kalirila vaagiya pullarai neduvelir  
kaana manjjai kananodu seppa  
eegai ariya ilaiyani magalirodu*

- *segalanya didermakan termasuk gajah tetapi thali pasangan hidup tidak diberikan*

Pujangga *Uraiyoor Yenisheru Mudamosiyaar* memuji perbuatan seorang raja yang bernama *Vei Aai Arandin*. Raja ini telah mendermakan segala harta termasuk gajah yang digunakan untuk perang. Perasaan prihatin yang dimiliki oleh raja *Vei Aai Arandin* amat dikagumi oleh masyarakat Tamil. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberikan *thali* (*ilaiyani*) yang dipakai oleh permaisuri. Melalui sajak ini dapat diketahui keistimewaan dan status *thali* dalam kalangan masyarakat Tamil. *Thali* dianggap sebagai suatu benda yang amat suci dan

melambangkan kebudayaan masyarakat Tamil. *Thali* merupakan sesuatu yang amat suci dan mulia sehingga ia tidak boleh diberikan atau dermakan (*eegai ariya*) atas sebarang alasan. Konsep kesucian dan kepentingan *thali* masih dikekalkan dalam masyarakat Tamil zaman kini.

Pada zaman *cangam*, *thali* dikenali dengan pelbagai gelaran. Nama-nama ini diperincikan oleh sasterawan *A.Pu.Thirumaalan* seperti berikut:

*Amalan pemakaian thali telah wujud sejak zaman cangam. Pada zaman cangam thali dikenali dengan pelbagai nama. Vaalilai, ilai, ilaiyani, poon ani, nedu veel, kalam dan arunggalam merupakan gelaran bagi thali zaman cangam.*

*(Tamilar Vaalvarattil Thali, 1990:88)*

Pada masa, peredaran zaman *cangam* (*Cangam maruviya kaalam*) dan pada masa kini *thali* dikenali dengan nama yang berlainan. Hakikat ini turut dinyatakan oleh sasterawan *A.Pu.Thirumaalan*.

*Pada zaman peredaran zaman cangam dan pada zaman moden kini, thali dikenali dengan pelbagai gelaran. Mangala ani, mangala naan, pon, ponmani nool, podraali, maangaliyam, thali, thirumaangaliyam, mangala sooththiram, thiru dan thiruppon.*

*(Tamilar Vaalvarattil Thali, 1990:63-64)*

Walaupun begitu, pada zaman sekarang ia lebih dikenali sebagai *thali*, *mangala naan*, *maangaliyam* dan *thirumaangaliyam*.

Maklumat tentang amalan mengikat *thali* turut dibincangkan oleh para pujangga antologi *Akananuru*. Kaum perempuan dari tanah *Paalai* memakai *thali* yang dibentuk daripada gigi taring harimau. Gigi taring harimau diikat dengan kepingan emas dan digantung pada leher.

*Thali* ini digantung bersama dengan manik-manik kecil yang menghasikan bunyi merdu.

Hakikat ini digambarkan oleh pujangga *Kayamanaar* seperti berikut:

.....பொனோடு  
புலிப்பல் கோத்த புலம்புமணித் தாலி


(*Akananuru*, 7:17-18)

..... *ponnodu*  
*pulippal kotta pulambumani thali*

- *gigi harimau diikat bersama emas*

Pujangga *Kayamanaar* menyatakan rupa bentuk *thali* melalui barisan *ponnodu pulippal otta* yang bermaksud *thali* dibuat daripada emas bersama gigi taring harimau. Amalan menggunakan gigi taring harimau tidak wujud pada masa kini disebabkan perubahan corak kehidupan masyarakat Tamil. Pada masa kini *thali* dibuat daripada emas dan diikat dengan menggunakan benang yang disadur pes kunyit berwarna kuning. Warna kuning melambangkan kesucian dan keceriaan.

**Rajah 2.4 : Pelbagai Bentuk Thali Masyarakat Tamil**



(Sumber : *Tamilar Vaalvarattil Thali*, 1990)

Kewujudan amalan pemakaian *thali* diperkukuhkan oleh bukti-bukti yang berikut.

புதல்வற் பயந்த திதலை! அவ் வயிற்று  
வால்இழை மகளிர் நால்வர் கூட

(*Akananuru, 86:11-12*)

*putalvar payanta titalai! av vayidru  
vaalilai magalir naalvar koodi*

- *thali merupakan lambang  
wanita yang berumah tangga*

Menurut pujangga ini, wanita yang telah berumah tangga memakai *thali* (*vaalilai magalir*).

Perkataan *vaalilai* merujuk kepada *thali*.

Pujangga *Viddroodru Mooteyinanaar* pula menyatakan bahawa :

மழைபட் டன்ன மணன்மலி பந்தர்  
இழைஅணி சிறப்பின் பெயர்வியர்பு ஆற்றித்

(*Akananuru, 136:16-17*)

*malaipad danna mananmali pantar  
ilaiyani sirappin peyarviyarppu aadri*

- *upacara perkahwinan diadakan  
thali diikat pada leher pengantin perempuan*

Puisi ini menyatakan bahawa, upacara perkahwinan diadakan dalam khemah khas yang diceriakan. Semasa upacara perkahwinan, benang suci berwarna kuning (*thali*) yang dikenali sebagai *ilaiyani* diikat pada leher pengantin perempuan (*ilaiyani sirappin peyarviyarppu aadri*) oleh mempelai.

*Thali* juga dikenali sebagai *pon* dan maklumat ini dapat dibuktikan melalui puisi berikut:

மாரியொன் றின்றி வறந்திருந்த காலத்தும்  
பாரி மடமகள் பாண்மகற்கு – நீருலையுள்  
பொந்தந்து கொண்டு புகாவாக நல்கினாள்  
ஒன்றுறா முன்றிலோ இல்

(*Palamoli Naanooru:341*)

*maariyon rindri varantirunta kaalattum  
paari madamagal paanmagarku – neerulaiyul  
pontantu kondu pugaavaaga nalkinaal  
ondruraa mundrilo il*

- *pengantin perempuan diceriakan dengan ikatan thali dibuat daripada*

Puisi ini membincangkan tentang rupa bentuk *thali*. Perkataan *pon* dalam puisi ini merujuk kepada *thali* yang dibuat daripada emas tulin. Masyarakat Tamil zaman *cangam* menggunakan emas dan gigi taring harimau untuk membuat *thali*. Kenyataan ini membuktikan penggunaan emas oleh masyarakat Tamil pada zaman klasik. Gigi taring harimau melambangkan keberanian dan emas pula melambangkan kemajuan yang dimiliki oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Mengikat *thali* merupakan salah satu amalan kebudayaan yang tertua dalam kalangan masyarakat Tamil. Amalan ini melambangkan kematangan kebudayaan masyarakat Tamil di seluruh dunia. Amalan ini masih lagi dituruti oleh masyarakat Tamil. Malahan, amalan ini telah menjadi sebatian dengan kehidupan masyarakat Tamil.

Walau bagaimanapun, ciri-ciri perlakuan amalan mengikat *thali* telah mengalami beberapa perubahan mengikut peredaran masa. Pada zaman klasik pembuatan *thali* tidak melibatkan unsur kewangan. Sebaliknya, pada zaman kini proses pembuatan *thali* melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Di samping itu, pada masa silam benang yang disadur tepung kunyit digunakan untuk tujuan mengikat *thali*. Benang yang berwarna kuning ini melambangkan kesucian dan kemuliaan. Amalan ini juga telah mengalami perubahan. Pada masa kini, rantai emas digunakan untuk menggantungkan *thali*.

### **2.3.3 *Udanpokku* (Mengikuti Pasangan Kekasih)**

*Udanpokku* merupakan perlakuan mengikuti pasangan kekasih tanpa diketahui oleh pihak lain. Pasangan kekasih yang berada dalam alam *kalavu* (alam percintaan) berhasrat untuk membina alam *karpu* (alam rumah tangga). Hal ini diketahui oleh ahli keluarga dan

masyarakat setempat. Berdasarkan kepada beberapa sebab mereka tidak merestui keputusan pasangan kekasih ini. Oleh yang demikian, pasangan kekasih ini beredar ke tempat lain untuk membina rumah tangga.

Peredaran ini dilakukan secara sulit dan tanpa diketahui oleh orang lain. Perbuatan ini dikenali sebagai *udanpokku*. Perkataan *udan* merujuk kepada bersama dan *pokku* pula bermaksud beredar ke tempat lain. Pada kebiasannya, wirawati mengiringi wira ke tempat lain. Oleh yang demikian, perbuatan ini digelar *udanpokku* (pergi bersama). Perbuatan *udanpokku* merupakan suatu amalan yang biasa dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Perbuatan ini juga dikenali sebagai *kondutalai kalital*.

Pasangan kekasih seringkali bertemu di kawasan hutan ataupun di kawasan pertanian. Ibu-bapa yang sedar tentang perlakuan pasangan kekasih, pada lazimnya mereka akan menyatukan pasangan kekasih. Pasangan ini tidak menghadapi sebarang cabaran ataupun halangan dari pihak lain. Tetapi kadang terdapat juga pasangan kekasih yang tidak direstui oleh ibu-bapa. Masyarakat tempatan juga tidak menerima perhubungan mereka disebabkan oleh beberapa faktor.

Dalam situasi sebegini ibu-bapa mengadakan kawalan ketat terhadap wirawati supaya dia tidak dapat keluar dari rumah dan bertemu dengan kekasihnya. Wirawati ditempatkan di dalam rumah lalu diawasi oleh ibu-bapa dan saudara mara. Wirawati menghadapi penderitaan yang keterlaluan disebabkan tidak dapat bertemu dengan kekasihnya. Hal ini diketahui oleh teman (*tholi*) dan dia berusaha untuk menolong wirawati supaya dapat bertemu dengan kekasih. Pada lazimnya *tholi* akan mengaturkan pertemuan mereka.

Semasa pertemuan pasangan kekasih, mereka mengambil keputusan supaya pergi ke tempat lain untuk membina kehidupan baru. Mereka bertekad untuk berkahwin dan memulakan kehidupan baru. Perbuatan ini melambangkan kesetiaan pasangan kekasih terhadap



percintaan mereka. Antologi *Akananuru* memaparkan banyak peristiwa yang berkaitan dengan perbuatan *udanpokku*. Terdapat 29 sajak yang membicarakan perbuatan *udanpokku*.

**Rajah 2.5 : Sajak-sajak Udanpokku Dalam Antologi Akananu**

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk sajak</b>	<b>No. Sajak</b>
1	<i>Aaduvai Agalen!</i>	49
2	<i>Aditta Kai Allivataaga!</i>	145
3	<i>Arumagale Yena Alume!</i>	165
4	<i>Kaanbaai Magale!</i>	369
5	<i>Kaappu Igantu Pogil!</i>	15
6	<i>Kandru Kaanaa Karavai!</i>	63
7	<i>Kannullavare Paarunggal!</i>	275
8	<i>Koditu! Koditu!</i>	385
9	<i>Maarbu Tunaiyaaga Tuyidrug!</i>	35
10	<i>Mugaitalai Sirantha Venil!</i>	105
11	<i>Mugavai Undalo!</i>	207
12	<i>Nadakkum Vallamai!</i>	257
13	<i>Nayavarum Kaanam!</i>	99
14	<i>Noccimanai Pendu!</i>	203
15	<i>Notagum Ullam Noga!</i>	153
16	<i>Oorum Ilantate!</i>	189
17	<i>Paiyapaiya Pasantandru!</i>	95
18	<i>Panmurai Taluvuvom!</i>	285
19	<i>Potal Sella Uyir!</i>	55
20	<i>Sekkuval Kollo!</i>	315
21	<i>Silambu Naga Sendranal!</i>	117
22	<i>Solluga Velane!</i>	195
23	<i>Talai Taalntanal!</i>	261
24	<i>Valai Kaan Pinai!</i>	7
25	<i>Vallunal Kollo!</i>	89
26	<i>Yaane Varuntuven!</i>	219
27	<i>Yaane Serppene!</i>	263
28	<i>Yaarai Perukuvai!</i>	383
29	<i>Yenna Seivaalo!</i>	321

(Sumber : Antologi *Akananuru*)

Perbuatan *udanpokku* dianggap salah satu perlakuan yang penting dalam kalangan masyarakat Tamil. Ia membuktikan kesetiaan dan kesucian pasangan kekasih. Di samping itu, perbuatan ini juga mendorong pembinaan kehidupan baru pasangan kekasih.

#### **2.3.4 *Kaddusoru* (Bekal Nasi)**

Makanan merupakan keperluan asas bagi kehidupan di dunia ini. Memandangkan kepentingannya manusia memberikan keutamaan kepada proses penyediaan makanan. Unsur-unsur kreativiti mempengaruhi proses penyediaan makanan. Setiap kaum di dunia ini mempunyai makanan tradisi yang tersendiri.

Salah satu makanan tradisi masyarakat Tamil ialah *kaddusoru*. *Kaddusoru* bermaksud masakan nasi yang dibungkus dengan daun dan dilapit kain. Perkataan *kaddusoru* terdiri daripada dua patah perkataan iaitu *kaddu* bermaksud bungkus dan *soru* pula bermaksud nasi. Nasi putih yang masak diadunkan dengan campuran asam dan rempah. Campuran nasi ini tidak akan basi ataupun rosak bagi jangka masa yang panjang. Amalan ini mempunyai dua kelebihan, iaitu, dari segi kesihatan dan kewangan. Mereka yang terlibat dalam perjalanan jauh tidak perlu membeli makanan di kedai. Kebersihan makanan yang dibeli dari kedai adalah tidak terjamin. Memandangkan hal ini, mereka boleh makan nasi yang dibawa bersamanya dan pada masa yang sama mereka dapat menjimatkan perbelanjaan membeli makanan di kedai. Menurut Teori Budaya, setiap perlakuan manusia mendatangkan implikasi yang setimpal dengan perbuatan mereka. Selaras dengan hakikat ini, amalan *kaddusoru* membawa kesan dalam urusan pembinaan kehidupan baru.

Mereka yang terlibat dalam perjalanan jauh membawa *kaddushoru* sebagai bekalan makanan. Para peniaga, askar, pujangga dan pasangan kekasih yang pergi ke tempat lain membawa *kaddushoru* bersama mereka. Perjalanan mereka melibatkan jarak jauh dan

kawasan hutan. Oleh yang demikian, sukar untuk memperoleh bahan makanan. Tidak ada kedai yang menjual bahan makanan. Bagi mengatasi masalah ini, *kaddushoru* disediakan sebagai bekalan makanan dan dibawa bersama.

Amalan ini dibincangkan oleh pujangga *Kudavaayir Keerattanaar* dalam puisi yang ke-79. Golongan lelaki yang berkerja keras membawa bekalan makanan bersamanya dengan kandar. Maklumat ini dipaparkan seperti berikut:

தோட்பதன் அமைத்த கருங்கை ஆடவர்  
கனையொறி பிறப்ப நூறி, வினைப் படர்ந்து  
கல்லறத்து இயற்றிய வல்உயர்ப் படுவில்

(*Akananuru, 79:1-3*)

*todpatan amaitta karunggai aadavar  
kanaipori pirappa noori, vinai padarntu  
kallaruttu iyadriya valuyar paduvil*

- *golongan lelaki yang berkerja keras  
membawa bekalan makanan*

Rangkaikata *todpatan amaitta karunggai aadavar* merujuk kepada pekerja lelaki yang gagah membawa bekas nasi dalam beg yang dibuat daripada kulit (*todpatan*).

Amalan membawa dan memakan *kaddushoru* masih wujud dalam kalangan masyarakat Tamil zaman kini. Walau bagaimanapun, perkembangan sistem pengangkutan yang canggih dan kedapatan bahan makanan secara banyak telah mengurangkan kepentingan dan penghayatan amalan *kaddushoru*. Pada masa kini masakan ini lebih dikenali dengan nama *pulishoru*, iaitu, nasi putih yang diadunkan dengan asam. Masakan *pulishoru* disediakan untuk meraih kehamilan anak sulung bagi pasangan yang baru berumah tangga. Keluarga pasangan perempuan menyediakan masakan ini dan diberikan kepada anak yang hamil. Upacara ini dikenali sebagai *valaikappu*, dalam upacara ini masakan *pulishoru* mengambil tempat yang penting.

### 2.3.5 Naaligai Kanakkidutal, Naal Ilai (Perkiraan Masa dan Hari)

Perkiraan masa merupakan suatu keperluan yang penting bagi kehidupan manusia. Setiap peristiwa di dunia ini berlaku berdasarkan kepada masa. Penentuan dan perkiraan masa merupakan salah satu pencapaian penting bagi kemajuan manusia sejagat. Manusia menggunakan jam sebagai alat pengukur masa.

Dalam penggunaan harian terdapat pelbagai jam seperti jam dinding, jam tangan dan jam rindik. Perkiraan masa zaman moden kini adalah seperti berikut:

**Rajah 2.6: Perkiraan Masa Zaman Moden**

Bil.	Istilah Bahasa Tamil	Istilah Bahasa Melayu	Perhitungan
1	<i>Nodi</i>	Saat	sekelip mata
2	<i>Nimidam</i>	Minit	60 saat
3	<i>Mani</i>	Jam	60 minit
4	<i>Naal</i>	Hari	24 jam
5	<i>Vaaram</i>	Minggu	7 hari
6	<i>Maatam / Thingal</i>	Bulan	4 minggu atau 30 hari
7	<i>Aandu</i>	Tahun	12 bulan
8	<i>Pattaandu</i>	Dekad	10 tahun
9	<i>Noordaandu</i>	Abad	100 tahun

(Sumber : *Viyakka Vaikkum Tamilar Vaalvu*,2005)

Masyarakat Tamil zaman *cangam* turut mahir dalam bidang perkiraan masa. Mereka mengamalkan perkiraan masa yang unik. Masa yang digunakan untuk sekali berkelip mata dan berdetap jari sekali dikenali sebagai *nodi* ataupun *maattirai* (*kannimai nodiyena avve maattirai*). Hakikat ini dinyatakan dalam teks *Tholkaapiyam*:

கண்ணிமை நொடியென அவ்வே மாத்திரை  
நுண்ணிதின் உணர்ந்தோர் கண்ட வாறே

*kannimai nodiyena avve maattirai*  
*nunnitin unarntor kanda vaare*

(*Tholkaapiyam, Yeluttatikaaram:7*)

- *sekelip mata dan berdetap jari merupakan maattirai*

Pembahagian hari pula dibahagi pada enam bahagian dan setiap bahagian terdiri daripada empat jam. Pembahagian hari pada enam bahagian ini digelar sebagai *sirupolutu*. Perinciannya adalah seperti berikut:

**Rajah 2.7 : Pembahagian Hari (Sirupolutu) Masyarakat Tamil**

Bil.	Waktu	Istilah Bahasa Tamil	Istilah Bahasa Melayu
1	6.00 pagi hingga 10.00 pagi	<i>Kaalai</i>	Pagi
2	10.00 pagi hingga 2.00 tengahari	<i>Nanpagal / Matiyam</i>	Tengahari
3	2.00 tengahari hingga 6.00 petang	<i>Maalai</i>	Petang
4	6.00 petang hingga 10.00 malam	<i>Yerpaadu</i>	Lewat petang
5	10.00 malam hingga 2.00 pagi	<i>Yaamam</i>	Malam
6	2.00 pagi hingga 6.00 pagi	<i>Vaigarai / Atikaalai</i>	Subuh

(Sumber : *Viyakka Vaikkum Tamilar Vaalvu*,2005)

Masyarakat Tamil zaman *cangam* menghitung pembahagian masa dengan menggunakan alat pengira masa yang dikenali *naaligai vaddil*. Kenyataan ini dimaklumkan oleh pujangga *Maduraiyaasiriyar Nallantuvanaar*.

குறுநீர்க் கன்னல் எண்ணுநர்.....  
*kuruneer kannal yennunar .....*

(*Akananuru*,43:6)

- *air dimasukkan ke dalam bekas pengira*

Baris ini membentangkan maklumat tentang amalan perkiraan masa yang dituruti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Air dimasukkan ke dalam suatu bekas dan digantungkan.

Pada bahagian bawahnya dibuat lubang kecil. Titisan air keluar dari lubang lalu jatuh ke dalam bekas yang berbentuk piring. Masa dikira berpandukan kepada air dalam bekas yang digantungkan. Set alat ini dikenali *naaligai vaddil*. Orang yang bertanggungjawab menggira masa pula digelar sebagai *naaligai kanakkar*.

Pada hakikatnya, perkiraan masa diikuti dengan perkiraan hari dan dalam konteks peredaran waktu hari merupakan unit asas. Pada zaman moden hari dihitung seperti berikut

**Rajah 2.8 : Perhitungan Hari Zaman Moden**

Bil.	Bilangan hari	Jangka masa
1	7 hari	1 minggu
2	30 atau 31 hari	1 bulan
3	365 hari	1 tahun

(Sumber : *Viyakka Vaikkum Tamilar Vaalvu, 2005*)

Golongan perempuan masyarakat Tamil zaman *cangam* mengamalkan sejenis perlakuan yang ringkas untuk mengira hari. Mereka mengira bilangan hari dengan menandakan ” / ” pada dinding rumah. Amalan ini masih wujud di kawasan pendalaman Tamil Nadu. Mereka mengira jumlah hari menerima susu lembu dari peniaga susu. Pada zaman *cangam* golongan perempuan (*wirawati*) melakukan perkiraan jumlah hari berpisah dari kekasih. Perkiraan ini dilakukan dengan menanda simbol garis ” / / / ” pada dinding rumah.

Wira pergi ke luar negeri untuk mencari kekayaan. Beliau belum pulang kepangkuan *wirawati* seperti yang dijanjikannya. *Wirawati* merasa amat risau dan mengira jumlah garis yang ditanda pada dinding rumah. Beliau terasa amat sedih mengetahui jumlah hari ketiadaan kekasih di pangkuannya. Peristiwa sedih ini ditonjolkan oleh pujangga *Maamoolanaar* seperti berikut:

தாள்வலம் படுப்பச் சேட்புலம் படர்ந்தோர்  
நாள்இழை நெடுஞ்சுவர் நோக்கி, நோய்உழந்து

(Akananuru,61:3-4)

*taalvalam paduppa sedpulam padarntor  
naalilai nedunsuvar nokki, noiulantu*

- *hari perpisahan pasangan dikira  
dengan lakaran garis pada dinding rumah*

Wirawati jatuh sakit (*noi ulantu*) disebabkan perpisahan kekasih bagi jangka masa yang panjang. Bilangan hari perpisahan diketahui melalui jumlah tanda garis ” / / / ” pada dinding rumah (*naal ilai nedun suvar nokki*).

Situasi yang sama seperti dalam puisi *Akananuru:61* berlaku pada seorang wirawati yang tinggal di tanah *Paalai*. Wira pergi ke negeri lain untuk mencari kekayaan dan wirawati tinggal seorang diri di rumah. Beliau menandakan tanda garis pada dinding rumah. Hakikat ini dimaklumkan oleh pujangga *Yeyinantai Magan Ilangkeeranaar*.

சேண்உறை புலம்பின் நாள்முறை இழைத்த  
திண்சுவர் நோக்கி, நினைந்து கண்பனி

(Akananuru,289:9-11)

*shenurai pulambin naalmurai ilaitta  
tinsuvar nhokki, ninaintu kanpani*

- *pasangan hidup merantau ke luar negeri  
mencari kekayaan, hari perpisahan dikira  
dengan lakaran garisan pada dinding rumah*

Wirawati yang tinggal seorang diri di rumah menandakan garis pada dinding rumah (*naalmurai ilaitta*) lalu memerhatikan pada dinding itu (*tinsuvar nokki*).

Perbuatan mengira hari merupakan suatu kemahiran yang penting dalam konteks kemajuan manusia. Ia membuktikan manusia mengenali dan meneliti peredaran masa serta memiliki teknik pengiraan masa. Teori *Tholkaappiyam* menyarankan penggiraan masa yang diamalkan oleh masyarakat Tamil, *Tholkaapiyam, Yeluttatikaaram*.

### 2.3.6 *Nadukal Nadutal* (Mendirikan Batu Peringatan)

Mendirikan batu peringatan merupakan suatu amalan yang dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan ini disebut sebagai *nadukal nadutal* oleh masyarakat Tamil. Perlakuan amalan ini adalah bertujuan mengenang jasa seseorang ataupun menandakan sesuatu kejadian. Pada kebiasaannya batu peringatan didirikan untuk mengenang keberanian, kewibawaan, pengorbanan dan jasa baik seseorang.

Wira-wira yang meninggal dunia dalam perang dikenang dan dihormati sepanjang masa. Jasa dan pengorbanan mereka dikenang dengan mendirikan batu peringatan. Perbuatan ini bukannya sama seperti amalan pada zaman kini iaitu menanam batu nesan (*kallarai*). Amalan menanam batu nesan dilakukan kepada semua mayat. Tetapi, *nadukal nadutal* pula hanya dilakukan kepada manusia yang berjasa dan mencurahkan bakti bagi kemajuan masyarakat dan negara.

Amalan mendirikan batu peringatan untuk wira-wira yang terkorban dalam perang dibincangkan dalam *Tholkaapiyam*.

காட்சி கால்கோள் நீர்ப்படை நடுகல்  
சீர்த்த மரபில் பெரும்படை வாழ்த்தலென்று  
இருமூன்று மரபிற் கல்லொடு புணர

(*Tholkaapiyam, Porulatigaaram, Purattinaiyiyal, 5:19-21, 6SM*)

*kaadci kaalkol neerppadai nadukal  
seertta marabil perumpadai vaalittalendru  
irumoondru marabir kallodu punara*

- *wira dikenang melalui jasa dan keberanian nadukal nadutal merupakan penghormatan kepada manusia yang berjasa dan berbakti*

Puisi ini menyatakan bahawa wira yang berjasa kepada masyarakat dan negara dikenang sepanjang masa dengan mendirikan batu peringatan (*nadukal*). Mereka mencari batu yang sesuai dan membawa ke tempat yang ditetapkan. Batu itu dibasuh dengan air jernih dan



ditanam dengan kemas (*kaadci kaalkol neerppadai*). Pada permukaannya ditulis maklumat tentang wira ini (*seertta marabil perumpadai vaalttalendru*). Maklumat-maklumat seperti nama, keturunan, tempat asal, kejayaan dan pengorbanan dicatatkan pada bahagian atas batu peringatan (seperti batu bersurat). Pada zaman moden amalan ini masih wujud dengan sedikit perubahan. Buat masa kini, dewan peringatan (*ninaivu mandapam*), tugu peringatan, patung didirikan bagi mengenang jasa seseorang.

Pujangga *Ammoovanaar* menceritakan peristiwa mendirikan batu peringatan yang diamalkan oleh masyarakat tanah *Paalai*. Kaum *karantai* yang tinggal di kawasan *Paalai* berperang serta menewaskan musuhnya. Dalam perang itu wira-wira (*phor maravar*) kaum *karantai* turut berkorban. Bagi mengenang jasa dan pengorbanan wira-wira ini, kaum *karantai* mengadakan upacara mendirikan batu peringatan. Batu peringatan itu menjadi lambang untuk mengenang jasa dan pengorbanan mereka. Di samping itu, batu peringatan juga menjadi unsur sejarah bagi generasi kelak.

.....குறும்படை மறவர்  
முனைஆத் தந்து முரம்பின் வீழ்ந்து  
வில்லர் வாழ்க்கை விழுத்தொடை மறவர்  
வல்ஆண் பதுக்கைக் கடவுட் பேண்மார்  
நடுகல் மீலி சூட்டித் துடிப்படுத்துத்  
தோப்பிக் கள்ளொடு துளுஉப்பலி கொடுக்கும்  
போக்குஅருங் கவலைய புலவுநாறு அருஞ்சரம்

(*Akananuru,35:4-10*)

..... *kurumpadai malavar*  
*munaivaat tantu murambin veelntu*  
*vilyer vaalkkai viluttodai maravar*  
*vallaan patukkai kadavud penmaar*  
*nadukal peeli sooddi tudippaduttu*  
*toppi kallodu turoouppali kodukkum*  
*pokkuarung kavalaiya pulavunaaru arunjuram*

- *upacara penyembahan Dewa Pattukai diadakan sebagai tanda hormat bagi kemenangan tentera kambing dikorban serta dihadangkan kepada Dewa selepas itu mereka mendirikan batu peringatan bagi mengenang jasa dan korban wira-wira*

Mereka mengadakan upacara penyembahan pada Dewa *Pattukai* kerana kejayaannya adalah disebabkan oleh berkat Dewa ini. Maka, mereka mengorbankan kambing dan menghidangkannya kepada Dewa *Pattukai*. Amalan ini dikenali sebagai *padaiyal* dan ia masih wujud dalam kalangan masyarakat Tamil zaman kini. Tetapi bahan *padaiyal* telah berubah, masyarakat Tamil zaman kini menghidangkan nasi manis (*ponngal*), buah-buahan dan kekacang sebagai bahan *padaiyal*.

Pada suatu malam sekumpulan pencuri merampas ternakan penduduk tanah *Paalai*. Hal ini diketahui oleh masyarakat *Paalai* dan mereka bertempur dengan pencuri berkenaan. Penduduk *Paalai* berjaya menewaskan pencuri dan dapat balik ternakannya. Dalam pertempuran ini beberapa orang wira tanah *Paalai* berkorban. Mereka dikebumikan lalu didirikan batu peringatan.

அரம்போழ் நுதிய வாளி அம்பின்  
நிரம்பா நோக்கின்; நிரயம் கொண்மார்  
நெல்லி நீளிடை எல்லி மண்டி  
நல்அமர்க் கடந்த நானுடை மறவர்  
பெயரும் பீடும் எழுதி யதர்தொறும்

பீலி சூட்டிய பிறங்குநிலை நடுகல்  
வேல்ஊன்று பலகை வேற்றுமுனை கடுக்கும்

(*Akananuru, 67:5-11*)

*arampol nutiya vaali ambin  
niramba nokkin, niraiyam konmaar  
nelli neelidai yelli mandee  
nalamar kadanta naadudai maravar  
peyarum peedum yeluti yatartorum  
peeli sooddiya pirangunilai nadugal  
vel oondru palagai verrumunai kadukkum*

- *sekumpulan pencuri memasuki kampung, lalu mencuri ternakan dan berlaku pertempuran antara wira-wira dengan pencuri pencuri ditewaskan dan ternakan dimilik semula tetapi beberapa wira berkorban dalam pertempuran, maka batu peringatan didirikan bagi mengenang pengorbanan mereka*

Pujangga *Noipaadiyaar* menyatakan butir-butir yang terdapat pada batu peringatan. Pada lazimnya, nama dan jasa seseorang (*peyarum peedum yeluti*) dicatatkan pada batu

peringatan. Di sisi batu peringatan pula diletakkan bulu burung merak (*peeli sooddiya*) dan sejenis alat pertempuran (*vhel*). *Vhel* ialah lambang Dewa *Murugan* yang menandakan keberanian.

Pujangga *Madurai Maruthan Ilanaaganaar* turut menyenaraikan beberapa maklumat yang terdapat pada batu peringatan. Menurut pujangga ini, nama dan sumbangan seseorang yang meninggal dunia dicatatkan di atas batu peringatan (*peyarum peedum yeluti*). Serta buluh burung merak (*peeli sooddiya*), dan *vhel* (*vhel oondru palakai vedrumunai kadukkum*) turut ditempatkan di sisi batu peringatan.

பெயரும் பூடும் எழுதி, அதர்தொறும்  
பிலி சூட்டிய பிறங்குநிலை நடுகல்  
வேல்ஊன்று பலகை வேற்றுமுனை கடுக்கும்

(*Akananuru, 131:10-112*)

*peyarum peedum yeluti, atartorum*  
*peeli sooddiya piranggunilai nadugal*  
*vel oondru palakai vedrumunai kadukkum*

- *batu peringatan mengandungi butiran seperti nama, jasa, pengorbanan dan pencapaian seseorang di sisinya diletakkan bulu burung merak dan vhel*

Amalan mendirikan batu peringatan turut dibincangkan oleh pujangga *Seettalai Saattanaar* seperti berikut:

விழுத்துடை மறவர் வல்இட வீழ்ந்தோர்  
எழுத்துடை நடுகல் இன்றிழல் வதியும்

(*Akananuru, 53:10-11*)

*viluttudai maravar vallida veelnthor*  
*yeluttudai nadugal innilal vatiyum*

- *wira yang berkorban dikenang sepanjang masa melalui batu peringatan*

Wira yang berkorban dalam perang (*viluttudai maravar vallida veelnthor*) dikenang melalui amalan mendirikan batu peringatan. Amalan ini menjadi lambang kepada kewibawaan wira berkenaan. Maklumat seperti nama, jasa dan pengorbanan dicatatkan pada batu peringatan. (*yeluttudai nadugal*).

Kesemua kenyataan ini membuktikan kewujudan amalan mendirikan batu peringatan untuk mengenang jasa dan kewibawaan orang yang berkorban. Amalan *nadugal nadutal* dianggap sebagai suatu perlakuan yang mulia. Amalan ini memberi peluang kepada generasi muda untuk mengenang, menghormati dan menyanjungi nenek moyang. Perbuatan ini adalah selaras dengan teori *Tholkaapiyam* yang menyatakan bahawa manusia dikenang melalui jasa yang telah dicurahkan kepada masyarakat dan negara. Menurut pepatah Melayu manusia mati meninggalkan nama, harimau mati meninggalkan belang,

### **2.3.7 Palli Oli (Kecap Cicak)**

Mempercayai dan menghayati sesuatu amalan merupakan perlakuan universal. Semua masyarakat di dunia ini memiliki amalan kepercayaan yang tersendiri. Kepercayaan terhadap sesuatu memberi pengertian pada hidup manusia dan manusia tidak dapat mengelakkan diri daripada perlakuan ini.

Masyarakat Tamil mempercayai beberapa amalan yang berkaitan dengan alam semulajadi. Alam flora dan fauna turut mempengaruhi amalan kehidupan mereka. Beberapa binatang seperti lembu betina, cicak, kucing, burung gagak dan rama-rama memainkan peranan utama dalam perlakuan ini. Amalan kepercayaan seperti ini masih lagi kukuh dalam kalangan masyarakat Tamil. Perincian tentang amalan ini adalah seperti berikut:

- Bunyi burung gagak – menandakan kehadiran saudara mara ataupun kematian
- Kehadiran rama-rama diperkarangan rumah – menandakan kehadiran saudara mara
- Laungan serigala di tempat tinggal manusia – menandakan kejadian buruk
- Kecap cicak diperkarangan rumah – menandakan peristiwa baik dan juga buruk
- Kehadiran kucing semasa keluar dari rumah – menandakan kejadian buruk

Teori *Tholkaapiyar* membuktikan kewujudan amalan mempercayai kecap cicak. Teori ini menyatakan bahawa kepercayaan seperti ini memberikan kekuatan dan keyakinan diri. Hal ini dapat dibuktikan melalui *noorpa* yang berikut:

தன்னும் அவனும் அவளுக்கு சுட்டி  
மன்னும் நிமித்தம் மொழிப்பொருள் தெய்வம்  
நன்மை தீமை அச்சஞ் சாந்தலென்று

(*Tholkaapiyam, Porulatikaaram, Agattinaiyiyal, 39:1-3, 6SM*)

*tannum avanum avalun suddi*  
*mannum nimittam molipporul teivam*  
*nanmai teemai ancan saartalendru*

- *Semasa perbincangan antara wira dan wirawati cicak berkecap menandakan tanda baik*

Perhubungan pasangan kekasih tidak direstui oleh ibu-bapa. Mereka bercadang untuk meninggalkan kampung lalu membina kehidupan baru di tempat lain. Semasa membincangkan hal ini (*tannum avanum avalun suddi*) mereka mendengar kecap cicak. Mereka menganggap kecap cicak itu sebagai tanda persetujuan oleh Tuhan (*mannum nimittam molipporul teivam*). Mereka bersedia untuk mengharungi pelbagai cabaran dan halangan bagi mendapatkan kejayaan dalam hidup.

Amalan kepercayaan terhadap kecap cicak dipaparkan dalam antologi *Akananuru*. Berlaku perpisahan sementara antara pasangan kekasih. Wirawati mengharapkan kepulangan wira dan semasa ini kedengaran kecap cicak. Peristiwa ini dipaparkan oleh pujangga *Kallaadanaar*.

ஓங்கிய நல்லில் ஒருசிறை நிலைஇ  
பாங்கர்ப் பல்லி படுதொறும் பரவி

(*Akananuru, 8:18-19*)

*ongiya nallil orusirai nilai*  
*paanggar palli padutorum paravi*

- *perpisahan kekasih menyebabkan kehilangan hala tuju  
kecap cicak disambut mesra,  
ia menandakan kepulangan kekasih*

Wirawati merasa lega hati mendengarkan kecap cicak kerana kerana ia melambangkan tanda baik.

Pujangga *Eelattu Pootan Thevanaar* menggambarkan suatu peristiwa yang berkaitan dengan amalan kepercayaan kecap cicak.

ஓங்குவணர்ப் பெருங்குரல் உணீஇய, பாங்கர்ப்  
பகுவாய்ப் பல்லி பாடுஓர்த்துக் குறுகும்  
புருவைப் பன்றி வருதிறம் நோக்கி  
கடுங்கைக் கானவன் கழுதுமிசைக் கொளீஇய

(*Akananuru*,88:2-5)

*ongguvanar perungkural uneeya, paanggar  
paguvaai palli paaduorttu kurugum  
puruvai pandri varutiram nokki  
kadungai kaanavan kalutumisai koleeya*

- *babi hutan yang kelaparan  
mencari makanan di kawasan pertanian  
cicak berkecap – menandakan  
tanda baik dan selamat*

Seekor babi hutan yang muda mencari makanan di kawasan pertanian dan pada masa itu seekor cicak pula mengkecap. Kecap cicak ini dianggap sebagai tanda baik dan selamat oleh babi hutan. Ini bermakna amalan mempercayai kecap cicak bukan sahaja dituruti oleh manusia malahan binatang juga menuruti amalan ini.

Amalan kepercayaan terhadap kecap cicak amat kukuh di sanubari masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan ini turut mempengaruhi sistem pentadbiran kerajaan. Tindakan memulakan perang ditentukan melalui kecap cicak. Kenyataan ini dipaparkan dalam puisi yang ke-387.

இரைநசைஇக் கிடந்த முதுவாய்ப் பல்லி  
சிறிய தெற்றுவ தாயிற் பெரிய  
ஓடை யானை உயர்ந்தோர் ஆயினும்  
நின்றாங்குப் பெயரும் கானம்  
சென்றோர் மன்னென இருக்கிற் போர்க்கே

(*Akananuru,387:16-20*)

*irainasai kidanta mutuvaai palli  
siriya terdruva taayir periya  
odai yaanai uyarntor aayinum  
nindraangu peyarum kaanam  
sendror mannena irikkir porkke*

- *angkatan tentera dalam perjalanan ke medan perang pada masa itu seekor cicak berkecap mendengarkan kecapan cicak, maka angkatan tentera terasa gelisah, dan bercadang untuk berpatah balik*

Pujangga *Madurai Maruthan Ilanaganaar* menyatakan bahawa tenteranya dalam perjalanan untuk berperang. Seekor cicak yang memerhatikan perlakuan mereka lalu mengkecap. Mendengarkan kecap cicak, maka, tenteranya berpatah balik ke tanah air. Mereka mempercayai bahawa kecap cicak menandakan tanda buruk. Maka, di sini kecap cicak dianggap sebagai tanda buruk.

Pada hakikatnya, kecap cicak memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Ia menandakan tanda baik dan juga buruk. Amalan kepercayaan terhadap kecap cicak masih wujud dalam kalangan masyarakat Tamil. Amalan ini digelar sebagai *palli johsiyam* (ramalan cicak).

### **2.3.8 Kuri Keddal (Meramal atau Menilik Nasib)**

*Kuri keddal* merupakan perbuatan meramal tentang masa depan, sesuatu peristiwa ataupun sesuatu perkara. Perbuatan ini menjadi sebatu dalam kehidupan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Di setiap kampung terdapat beberapa orang yang mahir dalam perlakuan meramal.

Mereka dikenali sebagai *kurisolli*. Amalan ini dilakukan untuk mengetahui beberapa perkara :

- Mengenal masa depan seseorang
- Mengenal pasangan yang akan menjadi teman hidup
- Mengenal benda yang hilang seperti lembu, kambing dan ayam

Sepasang kekasih menghayati alam percintaan dan pada suatu ketika berlaku perpisahan sementara antara mereka. Wirawati menghadapi tekanan emosi dan hilang keceriaan wajah. Berat badannya susut dan kelihatan seperti orang berpenyakit. Hal ini diketahui oleh ibu dan beliau memanggil seorang *kurisolli* iaitu orang yang mahir meramal, untuk mengetahui keadaan anak. Peristiwa ini dipaparkan oleh pujangga *Veripaadiya Kaamakkanniyaar* seperti berikut:

அறிந்தனள் அல்லள், அன்னை; வார்கோல்  
செறிந்துஇலங்கு எல்வளை நெகிழ்ந்தமை நோக்கிக்  
கையறு நெஞ்சினள் வினவலின்.....

(*Akananuru*,98:6-8)

*arintanal allal, annai, vaarkol*  
*serintuilanggu yelvalai negilntamai nokki*  
*kaiyaru nenjinal vinalin.....*

- *anaknya kelihatan penat dan lesu*  
*bagaikan orang berpenyakit*  
*ibunya tidak mengetahui punca, lalu*  
*dia meminta bantuan ahli meramal*  
*untuk mengetahui keadaan anak*

Ibunya tidak mengetahui punca yang menyebabkan keadaan anak. Gelang tangan yang mempunyai pelbagai ukiran tercicir dari pergelangan tangan (*serintu ilanggu yelvalai negilntamai*) wirawati. Dalam keadaan ini, ibu wirawati mendapatkan perkhidmatan seorang *kurisolli* untuk mengetahui keadaan anak. *Kurisolli* memainkan peranan sebagai penyiasat yang dapat membongkarkan rahsia.



### 2.3.9 *Kudumi* (Rambut Panjang Kaum Lelaki)

*Kudumi* ialah rambut panjang yang disimpan oleh kaum lelaki. Sebilangan kecil kaum lelaki menyimpan rambut panjang. Menyimpan *kudumi* merupakan salah satu amalan yang dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Amalan ini masih dianuti oleh para petugas kuil. Mereka yang terlibat dalam perlakuan upacara-upacara keagamaan, menyimpan *kudumi*. Perbuatan ini dianggap suatu amalan mulia dan berkaitan dengan unsur-unsur keTuhanan.

*Sami-sami* yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan upacara keagamaan wajib menyimpan *kudumi*. Mereka terdiri daripada golongan *paarpanar* ataupun *paapar* (Brahmin). Kaum *paarpanar* dihormati dan disanjung oleh masyarakat biasa. Kehidupan harian mereka dipenuhi dengan adat istiadat keagamaan. Antologi *Aingkurunuru* membincangkan peranan kaum *paarpanar*.

பகைவர் புல்லார்க! பார்ப்பார் ஓதுக!

(*Aingkurunuru*,4:2)

*pagaivar pullaarga! paarpaar otuga!*

- *menewaskan musuh dengan bantuan kaum paarpanar, mereka mengendalikan upacara keagamaan*

Baris ini membicarakan dua perkara yang menjadi harapan seorang raja. Bagi memperkukuhkan kuasanya baginda perlu menewaskan musuh (*pagaivar pullaarga*). Manakala, untuk mengekalkan kesuburan dan kemakmuran negara baginda perlu melakukan upacara penyembahan Tuhan. Kaum *paarpanar* bertanggungjawab melakukan upacara penyembahan Tuhan (*paarpar otuga*). Di samping itu, mereka juga memainkan peranan sebagai kaunselor dalam memberikan nasihat dan tunjukajar kepada masyarakat kampung. Maka, kaum *paarpanar* dianggap sebagai golongan istimewa dan berpendidikan. Antologi *Aingkurunuru* memaparkan gambaran tentang anak-kanak kaum *paarpanar* menyimpan *kudumi*.

அன்னாய் வாழிவேண்டன்னை நம்மூர்ப்  
பார்ப்பனக்குறு மகப்போலத் தாமுங்  
குடுமித் தலைய மன்ற  
நெடுமலை நாடன் ஊர்ந்த மாவே

(Aingkurunuru,202:1-4)

*annaai vaalivendannai nammor  
paarpanakuru magapola taamum  
kudumi talaiya mandra  
nedumalai naadan oornta maave*

- *anak-anak paarpanar yang menyimpan kudumi mengamalkan aktiviti keagamaan*

Menurut puisi ini, anak-anak kaum *paarpanar* menyimpan *kudumi* (*paarpanakuru magapola taamum kudumi talaiya mandra*). Mereka terlibat dalam aktiviti keagamaan seperti melakukan penyembahan Tuhan dan menguruskan kuil.

Antologi *Purananuru* pula membincangkan amalan menyimpan *kudumi* oleh seorang wira yang bertempur di medan perang.

உன்னிலன் என்னும் புண்ஒன்று அம்பு  
மான்உளை அன்னை குடுமித்  
தோல்மிசைக் கிடந்த புல்அண லோனே

(Purananuru,310:6-8)

*unilan yennum punondru ambu  
maanulai annai kudumi  
tolmisai kidanta pulana loneh*

- *wira yang berwibawa terkorban di medan pertempuran menyimpan kudumi*

Puisi ini menyatakan kewibawaan seorang wira yang meninggal dunia di medan perang. Baris *man ulai anna kudumi* merujuk kepada perlakuan menyimpan *kudumi*. Ini bermakna wira berkenaan turut menyimpan *kudumi*.

Amalan menyimpan *kudumi* turut dibincangkan dalam antologi *Akananuru*. Maklumat ini dibincangkan dalam puisi 5, 104 dan 107. Perinciannya adalah seperti berikut.

Pujangga *Paalai Paadiya Perungkadunggo* menyatakan bahawa seorang bapa bersama dengan anaknya yang menyimpan *kudumi* :

பாத்தி யன்ன குடுமிக் கூர்ங்கல்

(*Akananuru,5:13*)

*paatti yanna kudumi koornggal*

- *bapa dan anak menyimpan kudumi*

Kanak-kanak tanah *Mullai* menyimpan *kudumi* dan amalan ini dipaparkan oleh pujangga *Madurai Marutha Nilaganaar* seperti berikut:

புன்றலைச் சிறாரோடு உகனி.....

(*Akananuru,104:11*)

*pundralai siraarodu ugali.....*

- *kanak-kanak tanah Mullai menyimpan kudumi*

Perkataan *pundralai* dalam puisi ini merujuk kepada *kudumi*.

Pujangga *Kaaviri Poompaddinattu Kaari Kannanaar* pula menyatakan amalan menyimpan *kudumi* oleh masyarakat tanah *Paalai*.

புல்உளைச் சிறாஅர் வில்லின்.....

(*Akananuru,107:17*)

*pululai siraar villin.....*

- *kanak-kanak tanah Paalai menyimpan kudumi*

Baris ini menyatakan bahawa kanak-kanak kawasan *Paalai* menyimpan *kudumi* (*pul ulai siraar villin*).

Pada umumnya, amalan menyimpan *kudumi* adalah berkaitan dengan keagamaan. Kaum *paarpanar* ataupun *paarpar* yang terlibat dalam perlaksanaan upacara keagamaan diwajibkan menyimpan *kudumi*. Di samping itu, wira-wira dari tanah *Paalai* dan *Mullai*

juga terlibat dalam amalan ini. Amalan menyimpan *kudumi* masih lagi dituruti oleh mereka yang terlibat dalam perlakuan upacara keagamaan.

### 2.3.10 *Aanirai Kavartal* (Merampas Ternakan)

*Aanirai kavartal* merujuk kepada perbuatan merampas ternakan pihak musuh yang tewas. Raja-raja Tamil pada zaman *cangam* seringkali berperang dengan musuh atas beberapa sebab yang berikut:

- Untuk menguasai tanah musuh
- Untuk menunjukkan kewibawaan
- Untuk mendapatkan kekayaan

Pihak yang menang dalam perang akan merampas barang-barang berharga dan ternakan pihak yang tewas. Perlakuan merampas ternakan seperti lembu, kambing, keldai, kuda dan gajah yang dimiliki oleh pihak musuh dimaklumkan dalam antologi *Akananuru*. Pelbagai maklumat tentang amalan ini dipaparkan.

Pujangga *Karuvoor Kannam Pullanaar* membentangkan peristiwa yang berkaitan dengan perbuatan *aanirai kavartal*.

அஞ்சுவரத் தகுந காணம் நீந்திக்  
கன்று காணாது, புன்கண்ண, செவிசாய்த்து  
மன்றுநிறை பைதல் கூறப், பலஉடன்  
கறவை தந்த கடுங்கான் மறவர்

(*Akananuru*, 63:9-12)

*anjuvara taguna kaanam neenti  
kandru kaanaatu, punkanna, sevisaaittu  
mandrunirai paital koora, palavudan  
karavai tanta kadungkaan maravar*

- *ternakan lembu dirampas oleh tentera yang menang berlaku perpisahan antara lembu dan anaknya situasi ini menyakitkan hati lembu*

Perang yang berlaku di tanah *Paalai* dibincangkan dalam puisi ini. Pihak yang menang dalam perang, merampas lembu-lembu (*anjuvara taguna kaanam neenti*) kepunyaan pihak yang tewas. Dalam hal ini, berlaku perpisahan di antara lembu dengan anaknya. Ia menimbulkan kerungsingan hati lembu.

Pujangga *Noipaadiyaar* mencatatkan suatu peristiwa *aanirai kavartal* yang berlaku di tanah *Paalai*. Pada suatu malam sekumpulan pencuri merampas ternakan penduduk tanah *Paalai* dan hal ini diketahui oleh masyarakat *Paalai*. Berlaku pertempuran antara kedua-dua pihak. Akhirnya penduduk tanah *Paalai* dapat menewaskan kumpulan pencuri berkenaan. Peristiwa ini dibincangkan dalam puisi yang ke-67.

அரம்போழ் நுதிய வாளி அம்பின்  
நிரம்பா நோக்கின்; நிரயம் கொண்மார்  
நெல்லி நீளிடை எல்லி மண்டி

(*Akananuru*,67:4-6)

*arampol nutiya vaali ambin*  
*niramba nokkin, nirayam konmaar*  
*neli neelidai yelli mandi*

- *berlaku pertempuran antara penduduk kampung dengan para pencuri mereka gunakan sejenis lembing tajam dalam pertempuran akhirnya penduduk kampung menewaskan pencuri, lalu mendapatkan balik ternakannya*

Rangkaian kata *arampol nutiya vaali ambin* merujuk kepada sejenis lembing tajam yang digunakan dalam perang.

Antologi *Akananuru* membekalkan beberapa maklumat tentang peperangan yang berlaku antara raja-raja Tamil. Raja *Cheran*, Raja *Cholan* dan Raja *Paandiyan* merupakan tiga orang raja yang memiliki kuasa besar di *Tamilagam*. Mereka seringkali berperang sesamanya atas beberapa faktor.

Pada suatu masa, perang berlaku di *Paruvoor Parantalai*, maka, perang ini dikenali sebagai *Paruvoor Parantalai Phor*. Perkataan *phor* merujuk kepada perang. Dalam perang ini Raja *Cholan* berjaya menewaskan Raja *Cheran* dan Raja *Paandiyan*. Maklumat ini dipaparkan dalam puisi yang ke-96.

ஒளிறுவாள் நல்அமர்க் கடந்த ஞான்றை  
களிறுவர் கம்பலை போல

(*Akananuru, 96:16-17*)

*oliruvaal nalamar kadanta yaandrai  
kaliruvār kambalai pola*

- *perang berlaku di Paruvoor Parantalai  
Raja Cholan menang dalam perang ini  
tenteranya merampas ternakan gajah pihak yang tewas*

Selepas tamat perang, wira-wita tentera Raja *Cholan* merampas ternakan pihak yang tewas. Puisi ini menyatakan bahawa tentera Raja *Cholan* merampas gajah (*kaliru*) kepunyaan mereka.

Puak *malavar* yang tinggal di kawasan *Paalai* suka merampas harta orang lain. Mereka seringkali merampas harta dan ternakan puak lain. Maklumat ini dipaparkan oleh pujangga *Maamoolanaar* :

நுரைதெரி மத்தம்கொளீஇ, நிரைப் புறத்து  
அடிபுதை தொடுதோல் பறைய ஏகிக்  
கடிபுலம் கவர்ந்த கன்றுடைக் கொள்ளையர்

(*Akananuru, 101:8-10*)

*nuraiteri mattamkolee, nirai purattu  
adiputai todutol paraiya yegi  
kadipulam kavarnā kandrudai kollaiyar*

- *kaum malavar merampas harta benda orang lain  
mereka memakai selipar semasa merampas harta  
supaya tidak dapat mengesan tapak kakinya*

Kaum *malavar* masuk ke kampung puak lain dan mencuri barang-barang keperluan serta ternakan (*kadipulam kavarnā kandrudai kollaiyar*). Kaum *malavar* yang terlibat dalam

perbuatan ini dikenali sebagai pencuri (*kollaiyar*). Puisi ini juga memaparkan suatu maklumat yang menarik, iaitu amalan pemakaian selipar oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Para pencuri puak *malavar* memakai selipar agar tidak dapat dikesan tapak kaki mereka (*adiputai todutol paraiya*).

Tentera Raja *Yelini* menewaskan musuh lalu merampas ternakan mereka. Peristiwa ini dimaklumkan oleh pujangga *Aalangudi Vanganaar* seperti berikut:

.....முனைகடந்து  
வீங்குமென் சுரைய ஏற்றினம் தஞ்சம்

(*Akananuru, 105:15-16*)

..... *munaikadantu*  
*veengumen suraiya yerrinam taroom*

- *menang dalam perang, lalu merampas ternakan lembu*

Puisi ini memaklumkan bahawa tentera Raja *Yelini* berjaya dalam pertempuran lalu merampas lembu (*veengumen suraiya yerrinam taroom*). Ini bermakna raja dan pasukan tentera turut terlibat dalam perbuatan ini.

Kaun *malavar* seringkali terlibat dalam pertempuran dengan puak lain. Mereka mahir dalam perang dan dapat menewaskan puak-puak lain. Selepas menewaskan musuh mereka merampas segala harta benda dan ternakan pihak musuh.

கலங்குமுனைச் சீறார் கைதலை வைப்பக்  
கொழுப்புஆ தின்ற கூர்ம்படை மழவர்

(*Akananuru, 129:11-12*)

*kalangumunai seeroor kaitalai vaippa*  
*koluppuaa tindra koormpadai malavar*

- *pihak yang tewas terasa amat sedih mengenangkan masa depan manakala, kaum malavar terlalu gembira dengan kemenangannya mereka menyembelih kambing yang dirampas*

Pujangga *Kudavaayil Keerattanaar* menyatakan bahawa pihak yang tewas merasa amat sedih (*kalangumunai seeroor kaitalai vaippa*) mengenangkan masa depannya. Kaum *malavar* pula merasa amat gembira dengan hasil rampasan. Mereka menyembelih kambing yang dirampas dan memasak dagingnya (*koluppu aa tindra koormpadaai malavar*).

Puisi yang ke-131 turut membincangkan amalan *aanirai kavartal* oleh kaum *malavar*.

வீளை அம்பின் விழுத்தொடை மழவர்  
நான்ஆ உய்த்த நாமவெஞ் சுரத்து  
நடைமெலிந்து ஒழிந்த சேட்டடர் கன்றின்  
கடைமணி உருநீர் துடைத்த ஆடவர்

(*Akananuru, 131:6-9*)

*veelai ambin viluttodai malavar  
naal uyttā naamaven curattu  
nadaimelintu olinta sedpadar kandrin  
kadaimani uguneer tudaitta aadavar*

- *kaum malavar yang menang dalam pertempuran merampas ternakan pihak yang tewas, lalu berjalan mengharungi laluan kawasan Paalai anak-anak kambing pula tidak bermaya untuk berjalan lalu, duduk di atas lantai memandangkan hal ini, anak-anak kambing ini ditinggalkan; kambing-kambing yang besar sahaja di bawa balik*

Puak *malavar* yang menang dalam pertempuran, lazimnya merampas ternakan kambing pihak musuh. Mereka berjalan mengharungi kawasan *Paalai*. Anak-anak kambing tidak berdaya untuk berjalan lalu duduk di atas lantai (*nadaimelintu olinta sedpadar kandrin*). Memandangkan hal ini, anak-anak kambing ditinggalkan dan kambing-kambing besar sahaja di bawa balik ke kampung. Perlakuan ini digambarkan oleh pujangga *Madurai Maruthan Ilanaaganaar*. Peristiwa ini membuktikan kewujudan perlakuan rampasan ternakan (*aanirai kavartal*) dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Satu lagi peristiwa amalan *aanirai kavartal* berlaku di tanah *Paalai* dan peristiwa ini dicatatkan oleh pujangga *Nakkeerar* dalam puisi yang ke-253.



பகைமுனை அறுத்துப் பல்இனம் சாஅய்  
கணம்சால் கோவலர் நெடு விளிப் பயிர் அறிந்து

(*Akananuru,253:11-12*)

*maka, berjaya menewaskan musuh  
lalu ternakannya dirampas*

- *puak kongar ditewaskan oleh tentera Raja Pasum Poon Paandiyam  
lalu, mereka merampas semua ternakan puak kongar*

Raja *Pasum Poon Paandiyam Vadugar Perumagan Yerumai* berjaya mengalahkan puak *Kongar (pagaimunai aruttu)* dan merampas semua ternakan mereka (*palinam saa ai*).

Pada umumnya, perbuatan merampas harta dan ternakan dilakukan oleh dua golongan iaitu pasukan tentera dan golongan pencuri. Pihak yang menang dalam pertempuran, merampas ternakan dan harta benda pihak yang tewas. Walaupun, ia merupakan salah satu perbuatan yang tidak disenangi tetapi ia menjadi suatu amalan biasa bagi kedua-dua golongan ini. Masyarakat awam dan binatang ternakan menghadapi pelbagai masalah dan keseksaan dengan amalan *aanirai kavartal*.

### **2.3.11 *Eetal* (Menderma, Menghulurkan Bantuan)**

Menderma ataupun memberi sesuatu kepada pihak yang memerlukan merupakan suatu perbuatan yang mulia. Perbuatan ini dikenali sebagai *eetal* ataupun *kodai* dalam kalangan masyarakat Tamil. Kedua-dua perkataan ini ditakrifkan dengan maksud yang sama, iaitu, 'beri'. Masyarakat Tamil memberikan keutamaan kepada perbuatan ini. Teori *Tholkaapiyam* menyatakan perbuatan ini sebagai suatu perlakuan yang amat mulia.

கொடுப்போர் ஏத்திக் கொடாஅர்ப் பறித்தலும்

(*Tholkaapiyam, Porulatikaaram, 29:1*)

*koduphor yhetti kodaar palittalum*

- *memuji orang yang memberi sebaliknya  
mencaci orang yang tidak membantu*

Menurut teori ini, membantu adalah suatu perbuatan yang bernorma tinggi. Masyarakat umum memuji dan menyambut mesra orang yang menghulurkan bantuan sebaliknya masyarakat akan mencaci orang tidak membantu. Karya-karya kesusasteraan Tamil kerap kali membincangkan kemuliaan dan kepentingan perbuatan ini. Para pujangga sering kali memaklumkan kenikmatan dan keenakan yang diperoleh daripada perbuatan ini. Pujangga *Aivaiyaar* menyatakan bahawa:

அறம் செய் விரும்பு

*hayatilah amalan derma*

(*Aattisoodi:1*)

Rangkai kata ini menyatakan bahawa manusia harus sudi menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan. Perbuatan menolong ataupun menderma ini turut dibincangkan dalam antologi *Akananuru*. Pujangga *Umadoorkilaar Maganaar Parangkodranaar* membincangkan kenikmatan yang diperoleh daripada perbuatan *eetal*. Seorang wira bertekad mencari kekayaan untuk diberikan kepada orang yang miskin dan yang memerlukan bantuan. Oleh itu, wira merantau ke negeri lain untuk mencari kekayaan. Dalam keadaan ini wira terpaksa berpisah dengan kekasihnya dan beliau mendapat kebenaran wirawati. Wirawati sedar dan peka terhadap perlakuan kekasihnya maka, beliau membenarkan perbuatan wira. Peristiwa yang menarik ini dipaparkan dalam puisi berikut:

ஈதல் இன்பம் வெஃகி .....

(*Akananuru,69:5*)

*eetal inbam vehgi.....*

- *perbuatan menolong dan menderma membawa kegembiraan dan keenakan*

Amalan *eetal* merupakan salah satu perbuatan yang membawa kesan positif kepada kedua-dua pihak, iaitu, orang yang memberi dan orang yang menerima. Orang yang menerima bantuan akan dapat menyelesaikan kesengsaraan yang dihadapinya. Manakala, orang yang memberi akan dapat nama baik serta keenakan hidup. Maka, dengan sebab itu, perbuatan

*eetal* disanjung tinggi oleh masyarakat Tamil. Mereka sedia mengorbankan masa dan tenaga untuk menolong orang lain.

### 2.2.12 *Kollikkhol* (Obor Api)

*Kollikkhol* ialah obor api yang digunakan untuk menerangi keadaan gelap. Penggunaan obor api merupakan suatu amalan universal. *Kollikkhol* turut dikenali sebagai *kollikkaddai* ataupun *pantam*. *Kollikkhol* digunakan untuk beberapa tujuan.

- Panduan jalan – digunakan sebagai pelita bagi perjalanan waktu malam
- Keselamatan – digunakan untuk menghalau binatang buas
- Kawalan tanaman – digunakan semasa mengawal tanaman pada waktu malam

Beberapa peristiwa penggunaan *kollikkhol* dibincangkan dalam antologi *Akananuru*. Pujangga *Yerumai Veliyanaar* menggambarkan peristiwa yang berkaitan penggunaan *kollikkhol*. Pada suatu malam wira mengawal kawasan penanaman. Seekor gajah masuk ke dalam kawasan penanaman, wira bertindak pantas menghalau gajah berkenaan. Beliau membaling kayu obor api ke arah gajah. Perbuatan ini menakutkan gajah lalu ia beredar dari kawasan penanaman.

பிடிக்கை அமைந்த கனல்வாய்க் கொள்ளி  
விடுபொறிச் சுடரின் மின்னி.....

(*Akananuru*,73:15-16)

*Pidikkai amaintha kanalvaai kolli  
vidupori sudarin minni.....*

- *obor api dan membara  
dibaling ke arah gajah buas*

Wira membaling obor api (*kolli*) ke arah gajah hutan yang masuk ke dalam kawasan pertanian. Menurut pujangga obor api yang berterbangan ke arah gajah menghasilkan percikan api (*vidupori sudarin minni*).

Kenyataan ini membuktikan kewujudan penggunaan obor api dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Penggunaan api dalam kehidupan harian merupakan salah satu titik permulaan kemajuan masyarakat dunia. Melalui kenyataan ini dapat dirumuskan bahawa wujudnya kemahiran dalam penggunaan obor api oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

Teori *Tholkappiyam* menyatakan bahawa alam semula jadi memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Selaras dengan teori ini, masyarakat Tamil zaman *cangam* bijak menggunakan unsur-unsur alam semula jadi untuk menyara hidup.

### **2.3.13 *Kulisiyolai* (Sistem Pemilihan Wakil Masyarakat)**

Memimpin sesuatu kumpulan manusia merupakan sistem pemerintahan yang terawal di dunia ini. Setiap kaum di dunia ini memiliki sistem kepimpinan yang tersendiri. Pemimpin sesuatu kumpulan masyarakat mempunyai tanggung jawab yang besar dalam memajukan dan memartabatkan kumpulan tersebut.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mahir dalam sistem pentadbiran ataupun kepimpinan masyarakat. Setiap puak memiliki ketua masing-masing dan mereka mengamalkan sistem pemilihan ketua seperti zaman kini. Proses pemilihan wakil masyarakat dikenali sebagai *kulisiyohlai* ataupun *kudaohlai*. Sistem pemilihan wakil masyarakat atau Ketua Kampung diwujudkan pada zaman *cangam*. Antologi *Akananuru* memaklumkan amalan pemilihan wakil masyarakat atau Ketua Kampung melalui puisi yang ke-77. Puisi ini dihasilkan oleh pujangga *Maruthanila Naaganaar*.

கயிறுபிணிக் குழிசி ஓலை கொண்மார்  
பொறிகண்டு அழிக்கும் ஆவண மாக்களின்

(*Akananuru*,77:7-8)

*kayirupini kulisi ohlai konmaar*  
*porikandu alikkum aavana maakkalin*

- *nama-nama wakil masyarakat dicatat di atas daun palma daun palma diikat dengan tali, lalu ditempatkan ke dalam belanga tanah dipilih oleh orang tertentu*

Menurut pujangga, sistem pemilihan wakil diadakan secara teratur. Nama calon-calon yang bertanding ditulis di atas keratan daun palma (*kulisi ohlai*) dan daun itu diikat dengan tali (*kayirupini*). Daun palma itu dimasukkan ke dalam belanga tanah liat. Mereka yang bertanggungjawab untuk memilih wakil akan mengutip daun palma daripada belanga. Nama orang yang tertera pada daun palma dipilih sebagai wakil masyarakat. Semasa mengendalikan urusan pemilihan wakil, beberapa petugas khas dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mengawasi keadaan.

Para petugas ini dinamakan sebagai *aavana maakkal*. Kesemua perlakuan ini menunjukkan kematangan yang dimiliki oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam mengendalikan sistem pemilihan wakil.

#### **2.3.14 Pantar (Khemah)**

*Pantar* ialah khemah yang didirikan untuk sesuatu majlis. Ia merupakan suatu kemahiran khas dalam membentuk dan membina tempat meneduh. Manusia menguasai kemahiran membina rumah dan bangunan melalui kemahiran mendirikan khemah. Pada zaman *cangam* mereka menggunakan kayu keras, daun palma dan kain bagi mendirikan khemah. Khemah jenis ini digelar sebagai *pachai pantar* yang bermaksud khemah segar iaitu menggunakan daun palma yang segar dan hijau. *Pachai pantar* melambangkan kesucian, keharmonian dan kesegaran majlis berkenaan.

Amalan mendirikan khemah oleh masyarakat Tamil zaman *cangam* digambarkan dalam puisi yang ke-86. Pujangga *Nallaavoor Kilaar* memaparkan perlakuan mendirikan khemah bagi majlis perkahwinan.

.....நிரைகால்  
தண்பெரும் பந்தர்த் தருமணல் ஞெமிரி  
மனைவிளக் குறுத்து, மாலை ஓரிக்  
கனைஇருள் அகன்ற கவின்பெறு காலைக்

(*Akananuru*,86:2-5)

*niraikaal*  
*tanperum pantar tarumanal yemiri*  
*manaivilak kuruttu, maalai ohrik*  
*kanaiirul agandra kavinperu kaalai*

- *tiang-tiang dan pasir putih menyejukkan khemah*  
*lampu-lampu kecil ditempatkan*  
*menyerikan pagi yang suci*

Menurut baris ini, mereka mendirikan beberapa tiang (*nirai kaal*) sebagai rangka lalu membina khemah. Bahagian atas ditutup dengan daun palma yang segar dan kayu. Lantai di dalam khemah dialaskan dengan pasir putih (*tarumanal yemiru*) menyebabkan lantainya terasa amat sejuk (*tanperum pantar*).

Pujangga *Viddroodru Mooteyinanaar* menyatakan bahawa :

மழைபட் டன்ன மணன்மலி பந்தர்  
இழைஅணி சிறப்பின் பெயர்வியர்பு ஆற்றித்

(*Akananuru*,136:16-17)

*malaipad danna manammali pantar*  
*ilaiani sirappin peyarviyarpu aadri*

- *khemah yang dihiasi dengan pasir*  
*disediakan untuk upacara perkahwinan*

Menurut puisi ini, majlis perkahwinan diadakan dalam khemah (*pantar*) yang cantik dihiasi dengan lampu. Upacara mengikat *thali* serta upacara-upacara yang berkaitannya diadakan dalam khemah tersebut. Maklumat ini membuktikan kemahiran masyarakat Tamil zaman

*cangam* dalam mengendalikan sesuatu majlis. Ia juga membuktikan mereka memiliki kemahiran khas dalam mendirikan khemah.

Amalan mendirikan khemah masih wujud dalam kalangan masyarakat Tamil zaman kini. Khemah didirikan untuk pelbagai majlis seperti perkahwinan, perayaan dan sambutan hari jadi. Tetapi, bentuk dan bahan untuk mendirikan khemah telah berubah. Pada zaman kini kayu dan daun palma tidak digunakan lagi. Mereka menggunakan kanvas yang dibuat daripada bahan plastik dan kain serta tiang besi untuk mendirikan khemah. Masyarakat Tamil menerima perubahan ini selaras dengan peredaran zaman. Teori *Tholkappiyam* membincangkan perubahan yang berlaku dalam peredaran zaman.

### **2.3.15 Togukooddu (Gudang Menyimpan Barang)**

Gudang adalah sebuah ruangan yang digunakan untuk menyimpan pelbagai barang. Membina dan menggunakan gudang merupakan salah satu teknik pemasaran barangan perniagaan bagi jangka masa panjang. Ia merupakan suatu kemahiran penting dalam menawarkan barang-barang perniagaan bagi sesuatu jangka masa. Gudang digelar sebagai *togukooddu* oleh masyarakat Tamil.

Kemudahan gudang yang baik menjamin mutu barangan dan penawaran barangan serta perkembangan perniagaan. Pada zaman klasik gudang disediakan khas untuk menyimpan hasil pertanian. Pujangga *Paranar* menggambarkan penggunaan gudang pada zaman *cangam*.

மிகுபதம் நிறைந்த தொகுசுட்டு ஒருசிறைக்  
குவியடி வெருகின் பைங்கண் ஏற்றை

(*Akananuru, 367:7-8*)

*migupatam nirainta togukooddu orusirai  
kuviyadi verugin paingkan yedrai*

- *lebih hasil dikumpul dan disimpan dalam gudang*

Menurut puisi ini, hasil pertanian yang berlebihan (*migupatam nirainta*) disimpan dalam gudang (*togukooddu orusirai*). Kenyataan ini mencerminkan kemahiran masyarakat Tamil dalam bidang pertanian dan perniagaan. Mereka memiliki pemikiran dan kreativiti yang unik dalam menguruskan aktiviti pertanian dan hasilnya.

### 2.3.16 *Por Kaaval* (Tempat Menyimpan Emas)

Pada dasarnya, kehidupan manusia merangkumi mencari, menjaga dan menikmati kekayaan. Ketiga-tiga unsur ini merupakan amalan harian masyarakat manusia. Maka, manusia perlu memiliki kemahiran dalam ketiga-tiga bidang ini bagi menjamin kehidupan. Antologi *Akananuru* membuktikan kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam ketiga-tiga bidang ini.

Pujangga *Paranar* membincangkan amalan mencari, memiliki dan menjaga hasil kekayaan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. *Nannan Utian* merupakan seorang raja yang terkenal dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *cangam*. Masyarakat yang tinggal di negara *Nannan* memiliki tempat perlindungan khas (*paali*) bagi menyimpan emas dan harta benda yang lain.

நன்னன் உதியன் அருங்கடிப் பாழித்  
தொன்முதிர் வேளிர் ஓம்பினர் அறிந்தும், அன்னோள்  
பொன்னினும் அருமைநற்கு அறிந்தும், அன்னோள்

(*Akananuru*,258:1-3)

*Nannan Utian arungkadi paali  
tonmutir vhelir ohmpinar arintum, annhol  
ponninum arumainarku arintum, annhol*

- *Nannan Utian memiliki 'paali' kaum 'velir' yang berpengalaman mengawal, menjaga negara dan harta*



Kaum *vhelir* merupakan golongan pengawal yang berwibawa. Mereka mempunyai pengalaman luas dalam urusan mengawal keselamatan negara dan harta benda (*tonmutir vhelir ompinar*). Harta benda yang disimpan dalam *paali* iaitu tempat khas penyimpanan harta benda, dikawal rapi oleh golongan *vhelir*. Masyarakat yang tinggal di negara *Nannan* tidak risau tentang keselamatan harta bendanya, kerana ia dijaga rapi oleh kaum *vhelir*.

### **2.3.17 Tandam (Hukuman)**

Keamanan dan keselamatan sesebuah negara bergantung kepada kemahiran dan perlakuan golongan pentadbir. Tatacara pentadbiran yang baik menjamin keamanan dan keselamatan negara. Pujian dan hukuman merupakan dua perlakuan yang asas dalam mengawal tingkah laku manusia. Hukuman adalah suatu perlakuan yang penting bagi mengekalkan keadilan dalam sesuatu masyarakat. Hukuman dikenali sebagai *tandam* ataupun *tandanai* dalam bahasa Tamil. Dalam konteks kemasyarakatan, manusia berpendapat bahawa hukuman mambantu membetulkan tingkah laku seseorang. Secara amnya, masyarakat manusia terdiri daripada golongan yang baik dan jahat. Manusia yang bersifat baik akan menerima pujian dan ganjaran manakala manusia yang bersifat jahat akan menerima cemuhan dan hukuman.

Hukuman diberikan dalam dua bentuk iaitu secara fizikal dan mental. Menghukum pesalah merupakan suatu amalan biasa yang terdapat dalam masyarakat dunia. Seseorang pesalah dihukum bagi empat tujuan utama:

- Menghalang tingkah laku negatif dan kejadian yang tidak diingini
- Mendidik pesalah supaya tidak mengulangi perbuatan negatif
- Memotivasikan pesalah supaya menghindarkan diri dari tingkah laku negatif
- Tanda amaran kepada yang lain supaya jangan melakukan perbuatan negatif

Masyarakat Tamil zaman *cangam* mempunyai tatacara tersendiri menghukum pesalah. Antologi *Akananuru* memaparkan suatu peristiwa pelaksanaan hukuman pada seorang pesalah.

திருநுதற் குறுமகள் அணிநலம் வவ்விய  
அறனி லாளன், 'அறியேன்' என்ற  
திறன்இல் வெஞ்சூள் அறிகரி கடாஅய்,  
முறிஆர் பெருங்கிளை செறியப் பற்றி  
நீறுதலைப் பெய்த ஞான்றை  
வீறுசால் அவையத்து ஆர்ப்பினும் பெரிதே

(*Akananuru*,256:15-21)

*tirunutar kurumagal aninalam vavviya*  
*arani lahlan, ariyhen yendra*  
*tiranill venjool arikari kadaay,*  
*muriyaar perungkilai seriya padri*  
*neerutalai peyta yaandrai*  
*veerusaal avaiyattu aarppinum perithe*

- *menipu dan mencabul kehormatan perempuan*  
*dilarang dan dihina*  
*pesalah wajib menerima hukuman setimpal*  
*hukuman di khalayak umum, diikat pada pokok*  
*air disiram ke muka pesalah*  
*masyarakat umum melontar kata-kata*  
*cacian dan cemuhan menyelubungi ruang*

Pujangga *Madurai Tamil Koottanaar Kaduvan Mallanaar* menyatakan bahawa menipu dan memperkosa perempuan (*tirunutar kurumagal aninalam vavviya*) dianggap sebagai suatu kesalahan yang amat berat. Mereka yang terlibat dalam kesalahan ini diberikan hukuman berat. Pesalah dibawa ke tempat umum dan diikat pada sebatang pokok besar (*muriyaar perungkilai*) lalu disiram air pada kepalanya (*neerutalai peyta*). Perlakuan ini akan diteruskan bagi jangka masa panjang. Mereka yang berkumpul di sekitar tapak hukuman, mencaci dan mencemu pesalah (*veerusaal avaiyattu aarppinum perite*). Badannya dilukai oleh ikatan tali dan siraman air manakala hatinya dilukai oleh cemuhan masyarakat. Maka, pesalah berkenaan mengalami kelukaan dari segi fizikal dan emosi yang merupakan suatu hukuman berat.

Peristiwa ini melambangkan kemahiran masyarakat Tamil zaman *cangam* dalam mengendalikan sistem penghukuman. Amalan ini bukan sahaja untuk menghukum pesalah tetapi bertujuan untuk memperbetulkan tingkah laku pesalah. Di samping itu, ia menjadi pengajaran kepada yang lain supaya tidak terlibat dalam perlakuan negatif.

### **2.3.18 *Adaiyaalam* (Tanda Jalan)**

Sistem pengangkutan dan perhubungan merupakan salah satu unsur asas bagi kemajuan manusia sejagat. Manusia zaman klasik menggunakan laluan darat dan air bagi urusan perhubungan. Laluan air melibatkan sungai, laut, perahu, sampan, rakit dan juga kapal besar. Manakala, laluan darat pula melibatkan fizikal (berjalan kaki), kereta lembu, kereta kuda, kereta keldai dan kereta kerbau. Walaubagaimanapun, laluan darat menjadi laluan utama dan mereka memiliki kemahiran dan pengetahuan luas dalam bidang pengangkutan darat.

Perjalanan merentasi hutan mempunyai pelbagai ancaman dan cabaran. Serangan daripada binatang buas seperti harimau dan gajah seringkali berlaku. Hutan juga merupakan sarang kepada perompak (*kalvar*). Mereka digelar sebagai perompak jalaran (*valipari tirudargal*) dan seringkali merompak daripada mereka yang melalui jalan hutan. Bagi mengelakkan ancaman dari binatang buas dan perompak jalaran (*pagaimigu*) masyarakat zaman *cangam* mengamalkan tatacara menanda jalan. Semasa perjalanan merentasi hutan, mereka menandakan jalan dan kawasan yang selamat untuk dilalui. Tanda dibuat dengan mengikat ranting-ranting pokok (*misaimaram serttiya kavaimuri*). Tanda ikatan pada ranting pokok memberitahu maklumat kepada pengguna jalan berkenaan. Jalan ataupun kawasan ini selamat digunakan oleh orang ramai. Amalan ini disebut sebagai *adaiyaalam idutal*. Pujangga *Uraiyoor Maruthuvan Taamotharanaar* memaparkan perlakuan amalan menandakan kawasan yang selamat.

பகைமிகு கவலைச் செல்நெறி காண்மார்  
மிசைமரம் சேர்த்திய கவைமுறி யாஅத்து  
நார் அரை மருங்கின் நீர்வரப் பொளித்துக்

(*Akananuru,257:13-15*)

*pagaimigu kavalai selneri kaanmaar  
misaimaram sherttiya kavaimuri yaattu  
naar arai marunggin neervara palottu*

- *para pengguna jalan hutan  
menghadapi pelbagai cabaran dan halangan  
ranting pokok diikat bersama  
bagi menandakan kawasan atau jalan  
yang selamat*

Amalan ini membuktikan kemahiran mengatasi sesuatu masalah oleh masyarakat Tamil zaman klasik. Mereka mengenalpasti masalah serta mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah berkenaan. Mereka memiliki kemahiran dan pengetahuan luas dalam mengendalikan urusan perhubungan.

### **2.3.19 Lain-lain Amalan Kebudayaan**

Masyarakat Tamil zaman *cangam* kaya dengan pelbagai amalan kebudayaan dan aktiviti harian. Terdapat dua kategori amalan iaitu, amalan-amalan yang dilakukan sepanjang masa dan amalan-amalan yang dilakukan pada masa-masa yang tertentu. Antaranya, ialah amalan *olvaal amalai* (pengorbanan), *vadakkiruttal* (mengorbankan diri) dan *pulittol padukkai* (alas tidur kulit harimau). Perincian tentang amalan-amalan ini adalah seperti berikut:

#### **2.3.19.1 *Olvaal Amalai* (Pengorbanan)**

Berdoa kepada Tuhan merupakan amalan manusia sejagat. Manusia mengharapkan sesuatu lalu berdoa kepada Tuhan agar menunaikan kehendaknya. Kepercayaan dan penghayatan kepada kuasa Tuhan menjadi asas bagi amalan ini. Sebagai balasan pada penganugerahan Tuhan, manusia berkorban ataupun mengorbankan sesuatu. Perbuatan ini digelar sebagai

*olvaal amalai* oleh masyarakat Tamil. Amalan ini membuktikan kepercayaan dan kesetiaan mereka terhadap Tuhan.

Antologi *Akananuru* membicarakan perlakuan pengorbanan yang diamalkan oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*.

கரையடி யானை நன்னன் பாழி  
ஊட்டரு மரபின் அஞ்சு வரு பேய்ளக்  
கூட்டெதிர் கொண்ட வாய்மொழி மிஞிலி  
புள்ளிற்கு ஏமம் ஆகிய பெரும்பெயர்  
வெள்ளத் தானை அதிகற் கொன்றுஉவந்து  
ஒள்வாள் அமலை ஞாட்பிற்

(*Akananuru*,142:9-14)

*karaiyadi yaanai Nannan Paali  
ooddaru marabin anju varu phei  
kooddetir konda vaaimoli Milighi  
pullirku yehmam aagiya perumpayar  
vella taanai atigar kondru uvantu  
olvaal amalai yaadpir*

- *Paali negeri Nannan  
makhluk halus menunggu mangsa  
takut dan cemas menyelubungi hati manusia  
'Milighi' terima cadangan korban  
'Atigan' wira gagah dan berwibawa  
tari-menari dan laungan besar  
memenuhi ruang udara*


Negeri *Paali* dimiliki oleh Raja *Nannan* dan penduduknya mengamalkan upacara pengorbanan kepada makhluk halus. Maka, *Milighi* yang tinggal di negeri *Paali* sedia menerima tawaran untuk mengorbankan salah seorang askar. Beliau sedia mengorbankan *Atigan* yang merupakan seorang askar yang gagah dan berwibawa. Di samping itu, masyarakat negeri *Paali* juga mengadakan upacara tari-menari bagi mengembirakan makhluk halus.

### 2.3.19.2 *Vadakkiruttal* (Mengorbankan Diri)

*Vadakkiruttal* bermaksud mengorbankan diri dengan menghala ke arah utara. *Vadaku* bermaksud arah utara dan *iruttal* pula berdiam diri tanpa makan dan minum. Mereka yang tewas dalam perang atau hilang harapan, akan melakukan perbuatan ini. Pada hakikatnya, amalan ini melibatkan maruah dan nilai diri seseorang. Sebilangan kecil masyarakat Tamil zaman *cangam* menuruti amalan ini. Perlakuan ini melibatkan penderitaan tubuh badan dan nyawa.

Pada kebiasaannya, golongan pentadbir, wira dan pasangan kekasih terlibat dalam perbuatan *vadakkiruttal*. Perbuatan *vadakkiruttal* dilakukan atas beberapa sebab yang berikut:

**Rajah 1 : Tujuan Amalan *Vadakkiruttal***



Perkara-perkara yang melibatkan maruah diri menjadi punca kepada amalan ini. Mereka yang menghadapi ketewasan dalam perang, kegagalan dalam percintaan dan hilang harapan bertekad untuk meninggalkan dunia ini dengan tidak makan dan minum. Antologi *Akananuru* membentangkan beberapa peristiwa yang berkaitan dengan amalan *vadakkiruttal*.

Berlakunya perang antara Raja *Karikaal Valavan* dengan Raja *Seralaatan*. Perang ini berlaku di tanah *Venni*, maka, ia dinamakan sebagai *Venni Phor* (Perang *Venni*). Dalam

perang ini Raja *Karikaal Valavan* berjaya menewaskan Raja *Seralaatan*. Oleh yang demikian, Raja *Seralaatan* merasa amat malu dan sedih terhadap kekalahannya. Maka, Raja *Seralaatan* mengambil keputusan untuk mengorbankan diri dengan cara *vadakkiruttal*. Perbuatan Raja *Seralaatan* diketahui oleh rakyatnya. Memandangkan jasa bakti dan kredibiliti Raja *Seralaatan*, rakyat turut ikut melakukan *vadakkiruttal* bersama raja yang dikasihi. Peristiwa yang unik ini digambarkan oleh pujangga *Maamoolanaar* seperti berikut:

கரிகால் வளவனோடு வெண்ணிப் பறந்தலைப்  
 பொருதுபுண் நாணிய சேர லாதன்  
 அழிகள் மருங்கின் வான்வடக் கிருந்தென்  
 இன்னா இன்உரை கேட்ட சான்றோர்  
 அரும்பெறல் உலகத்து அவனோடு செலீஇயர்  
 பெரும்பிறிது ஆகியாங்குப் பிரிந்து இவண்

(*Akananuru*,55:9-15)

*Karikaal Valavanodu venni parantalai  
 porutupun naaniya Sera laatan  
 aligala marungkin vaanvada kiruntena  
 innaa inurai khedda saandrora  
 arumperal ulagattu avanodu seleeyiyar  
 perumpiritu aakiyaanggu pirintu ivan*

- *berlaku perang antara Karikaal Valavan dengan Raja Seralaatan dalam perang ini Raja Seralaatan tewas, lalu merasa amat malu dan sedih Raja Seralaatan mengambil keputusan untuk mengorbankan diri*

Peristiwa ini membuktikan tanggungjawab seorang raja terhadap negara dan rakyatnya. Keamanan dan kemakmuran negara bergantung kepada kewibawaan dan kebolehan pentadbir. Seorang pentadbir yang gagal menepati kriteria ini perlu menerima balasannya. Amalan *vadakkiruttal* merupakan suatu perlakuan yang membuktikan kepentingan nilai dan maruah diri seseorang. Mereka sanggup mengorbankan nyawa demi membela maruah diri.

### 2.3.19.3 *Pulittol Padukkai* (Alas Tidur Kulit Harimau)

Kehidupan manusia berdasarkan kepada tiga keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Bagi memperoleh keperluan-keperluan ini kemajuan pemikiran dan kemahiran idea diperlukan. Manusia memperoleh kemahiran mempergunakan alam sekitar untuk mendapatkan ketiga-tiga keperluan ini. Daya pemikiran dan kreativiti minda memainkan peranan utama dalam hal ini.

Masyarakat tanah *Kurinchi* tinggal di kawasan pergunungan. Hampir segala aktiviti harian mereka dipengaruhi oleh kawasan pergunungan (alam sekitar). Corak makanan, tempat tinggal dan perlakuan seharian mereka adalah berdasarkan kepada alam sekitar. Antologi *Akananuru* membuktikan kenyataan ini melalui beberapa peristiwa yang unik.

Puisi yang ke -58 menyatakan bahawa penduduk tanah *Kurinchi* menggunakan alas tidur yang dibuat daripada kulit harimau. Perlakuan ini dinyatakan oleh pujangga *Madurai Panda Vaanigan Ilanthevanaar*.

காடுதேர் வேட்டத்து விளிவுஇடம் பெறாஅது  
வாஅதன் படுத்த சேக்கை, தெரிஇழைத்

(*Akananuru*,58:3-4)

*kaaduther vheddattu vilivu idam perahtu  
vaa atan padutta sekkai, teri ilai*

- *tenat dan layu  
pemburu rehat seketika  
beralaskan kulit harimau*

Menurut puisi ini, seorang pemburu yang tenat, baring (*kaaduter veddattu vilivuidam*) di atas alas tidur yang dibuat daripada kulit harimau (*vaa atal*). Ini bermaksud penggunaan alas tidur wujud sejak zaman *cangam* lagi. Mereka menggunakan bahan-bahan seperti kulit harimau dan kulit rusa sebagai alas tidur. Perlakuan menjadikan kulit binatang sebagai alas tidur merupakan kemahiran yang penting dalam kehidupan masyarakat Tamil zaman



*cangam*. Disamping itu, pembuatan alas tidur membuktikan kemajuan mereka dalam bidang penyediaan tempat tinggal dan peralatan rumah.

### **2.3.20 Kesimpulan**

Amalan kebudayaan masyarakat manusia merangkumi kebanyakan aktiviti hariannya. Setiap perlakuan dalam kehidupan seseorang mencerminkan amalan kebudayaan masyarakat berkenaan. Setiap masyarakat di dunia ini memiliki amalan kebudayaan yang tersendiri. Amalan-amalan kebudayaan mempengaruhi pemikiran dan corak kehidupan masyarakat berkenaan.

Masyarakat Tamil zaman *cangam* kaya dengan pelbagai jenis amalan kebudayaan. Amalan perkahwinan (mengikat *thali*), mengikut pasangan kekasih (*udanpokku*), membawa bekal nasi (*kaddushoru*), perkiraan masa dan hari (*naaligai kanakkidutal, naal ilai*), mendirikan batu peringatan (*nadukal nadutal*), menuruti kecap cicak (*palli oli*), meramal atau menilik nasib (*kuri keddal*), menyimpan rambut panjang oleh kaum lelaki (*kudumi*), merampas ternakan (*aanirai kavartal*), menderma (*eetal*), menggunakan obor api (*kollikkhol*), mewujudkan sistem pemilihan wakil masyarakat (*kulisiyolai*), mendirikan khemah (*pantar*), menyimpan barang dalam gudang (*togukooddu*), mengawal emas (*por kaaval*), memberikan hukuman (*tandam*), melukis tanda jalan (*adaiyaalam*), pengorbanan (*alvaal amalai*), mengorbankan diri (*vadakkiruttal*) dan tidur di atas alas yang dibuat daripada kulit harimau (*pulittol padukkai*) merupakan amalan-amalan yang dianuti oleh masyarakat Tamil zaman *cangam*. Setiap amalan ini memperkayakan kebudayaan serta mengindahkan kehidupan mereka. Nilai diri dan norma hidup diperkukuhkan melalui amalan-amalan kebudayaan ini.

